



**Ekonomi tidak menentu**

# 2016: Sedia hadapi cabaran getir

**KEJATUHAN** nilai Ringgit Malaysia dan harga minyak dunia dijangka memberikan kesan terhadap ekonomi negara pada 2016. Kesan itu bakal menjejaskan iklim ekonomi seterusnya memberikan impak terhadap rakyat.

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015 lalu turut menyebabkan

berlakunya kenaikan harga barangan dan perkhidmatan seterusnya menambah sengsara rakyat.

Justeru, Kerajaan Persekutuan perlu melihat semula keutamaan perbelanjaan kerajaan bagi mengelakkan pembaziran dan kebocoran.

**Ikuti berita lanjut di MUKA 2**



Gambar oleh: Asrie Sapie

Yang Amat Mulia Tengku Panglima Diraja, Tengku Sulaiman Shah berkenan bersama-sama rakyat berarak sempena Sambutan Maulidur Rasul mewakili DYMM Sultan, Sultan Sharafuddin Idris Shah dengan tema 'Rakyat Muafakat, Negeri Berkat'. Ribuan umat Islam termasuk barisan kenamaan mengambil bahagian dalam perarakan sejauh 1.8 kilometer itu bermula dari Stadium Mini Seksyen 13 sehingga ke pentas utama Stadium Malawati Shah Alam.

## 7,500 rumah mampu milik dirancang dibina

**MEMILIKI** kediaman sendiri merupakan harapan setiap rakyat, menyedari hakikat itu Kerajaan Selangor menerusi Perbadanan Kema-

juan Negeri Selangor (PKNS) menyasarkan untuk menyediakan sekurang-kurangnya 7,500 unit rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun.

Malahan, iltizam itu juga dizahirkan Kerajaan Selangor dengan pelbagai perancangan untuk membina lebih banyak lagi rumah mampu milik.

**Ikuti berita lanjut di MUKA 3**

**SHAH ALAM** - Dalam persekitaran ekonomi yang mencabar, industri hartanah diunjur kekal sukar pada tahun depan setelah melalui tempoh lonjakan harga pada 2011-2013 yang menyaksikan harga rumah naik sehingga dua angka.

Walaupun kerajaan menysar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kukuh pada 4.0-5.0 peratus tahun ini, peserta industri berpendapat prestasi harga sektor perumahan tahun depan tidak berubah atau menunjukkan pertumbuhan yang sedikit.

Pengaruh Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) UEM Sunrise Bhd, Anwar Syahrin Abdul Ajib, berkata 2016 dijangka menyaksikan kesan sepenuhnya kelembapan perbelanjaan pengguna daripada kelemahan ringgit, pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) serta kelemahan sentimen pengguna.

Bagaimanapun, prestasi pasaran hartanah tahun depan juga bergantung kepada lokasi, jenis produk dan harga.

"Kawasan di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang dengan infrastruktur yang baik atau dengan projek pengangkutan awam serta hartanah berharga sederhana (di bawah RM1 juta), berkemungkinan akan meningkat dari segi permintaan.

"Di Johor, kami menjangka permintaan bagi hartanah bertanah akan kukuh terutama bagi unit berharga kurang daripada RM500,000," katanya dipetik BERNAMA.

Sementara itu, pasaran hartanah pada 2015 dianggap kurang memberangsangkan, terutamanya disebabkan oleh kelembapan susulan lonjakan harga yang dialami pada 2011-2013.

Sejak separuh kedua tahun ini, terdapat laporan peningkatan jumlah pelabur yang bersedia untuk membuat tawaran bagi hartanah mereka walaupun pada harga di bawah harga pasaran.

Menurut laporan terkini oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah (JPPH), keadaan hartanah kediaman yang tidak terjual di Kuala Lumpur kurang memberangsangkan.

Jumlah hartanah tidak terjual pada separuh pertama 2015 meningkat kepa-

2016 tahun berliku

# Industri hartanah diunjur hadapi cabaran

	% KDNK		% Pertumbuhan	
	2015 <sup>1</sup>	2014	2015 <sup>1</sup>	2016 <sup>2</sup>
Pertanian	8.9	2.1	1.3	1.3
Perlombongan	8.8	3.3	3.5	4.0
Pembuatan	22.9	6.2	4.5	4.3
Pembinaan	4.4	11.8	8.8	8.4
Perkhidmatan	53.8	6.5	5.7	5.4
<b>KDNK</b>	<b>100.0</b>	<b>6.0</b>	<b>4.5 - 5.5</b>	<b>4.0 - 5.0</b>

<sup>1</sup> Anggaran.  
<sup>2</sup> Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganjakan.  
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

da 1,346 unit bernilai RM1.23 bilion, naik sebanyak 28.7 peratus dalam jumlah dan 28.1 peratus dalam nilai berbanding tempoh yang sama pada 2014.

Laporan berkenaan juga mendedahkan bahawa peningkatan hartanah tidak terjual "dalam pembinaan dan bukan dibina" masing-masing kepada 10,742 dan 1,181 unit.

Terdapat 9,291 urus niaga bernilai RM11.01 bilion yang dicatatkan pada separuh pertama 2015 di Kuala Lumpur, susut 7.4 peratus dalam jumlah berbanding tempoh sama 2014 manakala urus niaga berkurangan 6.5 peratus selepas mengalami peningkatan 18.1 peratus pada tempoh yang sama sebelumnya.

Berikutan persaingan sengit yang dihadapi di beberapa lokasi bagi segmen

produk mewah, Anwar berkata beberapa pemaju menawarkan insentif untuk menarik pembeli hartanah.

"Pergerakan harga bergantung kepada lokasi, jenis produk dan jualan yang unik. Sekiranya produk dalam kumpulan harga yang tepat terletak di kawasan dengan infrastruktur yang baik, berkemungkinan meningkat dari segi nilai.

"Bagaimanapun, hartanah mewah di kawasan tertentu seperti Mont'Kiara, Kuala Lumpur, masih kukuh. Rumah berharga sederhana berhampiran bandar mendapat permintaan tinggi yang membantu mengekalkan harga," katanya.

Anwar berkata pasaran sewa mungkin berdepan tekanan pada tahun depan setelah beberapa pembeli rumah yang

membeli pangsapuri mewah pada tiga tahun lepas, mungkin sukar mendapatkan penyewa atau pembeli jika berhasrat menjualnya.

"Kebanyakan mereka yang membeli rumah dengan Skim Tanggungan Faedah Pemaju (DIBS) kini perlu membayar pinjaman mereka.

"Jika mereka tidak boleh menjual, mereka perlu menyewa hartanah mereka dan akan terdapat banyak tawaran di pasaran yang akan menurunkan kadar sewa," katanya.

Mengenai strategi UEM Sunrise pada masa depan, Anwar berkata syarikat akan ke kawasan yang dekat dengan pusat bandar di Kuala Lumpur dan Selangor, membina pangsapuri dan kondominium harga sederhana hingga sederhana mewah.

Sebaliknya, bagi kawasan jauh dari pusat bandar, beliau berkata pemaju hartanah merancang untuk membina hartanah bertanah berharga sederhana.

"Perkara utama ialah menawarkan produk pada harga sederhana kerana segmen ini masih mendapat permintaan disebabkan oleh demografi dan tahap pendapatan.

Kami mengkaji demografi di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang," katanya.

Meskipun kelemahan ringgit menyebabkan kos pembinaan meningkat, beliau berkata kesan berkenaan sedikit sebanyak dapat diimbangi dengan harga komoditi terutamanya palang keluli, yang turun dengan ketara.

"Secara keseluruhan, kami menjangka peningkatan 5.0-6.0 peratus dalam kos sekiranya ringgit terus diniagakan pada kadar tukaran semasa (US\$1 = RM4.23)," katanya.

## Ekonomi negara berkembang perlahan

**SHAH ALAM** - Ekonomi negara dijangka berkembang perlahan sekitar empat hingga lima peratus pada 2016 susulan penurunan harga minyak dunia semasa yang diunjur sekitar USD50 setong.

Mantan Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM), Dr Rosli Yaakob, berkata situasi itu turut memberikan kesan terhadap harga komoditi seperti getah dan kelapa sawit berbanding 2015.

"Untuk 2016, pertumbuhan dijangka lebih perlahan di bawah lima peratus. Prestasi eksport kita juga dijangka tidak memberangsangkan kerana prestasi ekonomi China, Jepun, Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat akan lebih perlahan.

"Mereka pengimport utama Malaysia. Jika mereka selaku destinasi eksport kita tidak berkembang dengan maju, maka eksport Malaysia berkembang lebih perlahan," katanya kepada SelangorKini pada 28 Disember lalu.

Berdasarkan perkembangan semasa beliau merasakan mustahil bagi Kerajaan Persekutuan untuk menyemak



semula Bajet 2016.

Rosli berkata, sasaran Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan defisit belanjawan negara dijangka tidak dapat dicapai.

Namun dari segi perolehan hasil kerajaan, ia dijangka stabil kerana diimbangi

dengan pungutan hasil cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang tinggi.

"Apa yang perlu dilihat semula adalah keutamaan perbelanjaan kerajaan bagi mengelakkan pembaziran dan kebocoran perlu dihentikan.

## Invest Selangor ramal FDI menurun

**SHAH ALAM** - Invest Selangor menjangkakan penurunan aliran pelaburan asing (FDI) bagi 2016 terutama bagi sektor perkilangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, **Hasan Azhari** Hasan Azhari Idris, berkata Selangor antara pihak yang bakal menerima cabaran besar susulan penurunan itu.

"FDI di Selangor bagi 2016 bagi sektor perkilangan dijangka agak mencabar berdasarkan situasi ekonomi semasa. Kita menjangkakan ada sedikit penurunan di dalam FDI berdasarkan senario semasa," katanya kepada SelangorKini.

Jelasnya, bagi menghadapi situasi berkenaan, Invest Selangor bakal mempergiatkan usaha promosi supaya penurunan itu tidak memburukkan kesan besar kepada Selangor.



## Contohi pembangunan Kampung Bukit Kapar

**KLANG** - Kampung Bukit Kapar boleh menjadi contoh kepada pembangunan kampung tradisi lain di Selangor ekoran kejayaannya muncul kampung tradisi terbaik Selangor 2015, baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata pelbagai inisiatif dilakukan penduduk untuk kemajuan kampung terbabit yang boleh menjadi rujukan kampung atau pihak lain.

"Dua perkara penting diketengahkan melalui hasil lawatan saya ialah perkara kebaikan bagi tujuan pembangunan masyarakat di kampung tradisi di Selangor.

"Ia juga merangkumi perkara berkaitan dengan isu keselamatan kerana dua perkara ini menjadi asas utama sesebuah kampung," katanya kepada Selangor Kini di sini, pada 22 Disember lalu.

Dr Ahmad Yunus mengadakan lawatan kerja ke kampung terbabit untuk meninjau program dan aktiviti dijalankan komuniti kampung itu yang melayakkannya muncul juara dalam pertandingan anjuran Kerajaan Negeri.

Katanya, pembangunan teknologi maklumat (IT) digerakkan di situ dipuji dan ia mencontohi semangat Kerajaan Negeri dipelopori Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, untuk menjadikan Selangor sebagai sebuah *Smart State*.

"Dalam taklimat, saya melihat *whatsapp broadcast group* dibina adalah input baik boleh dikongsi masyarakat di kampung lain yang banyak membawa kebaikan.

"Kita boleh menjadikannya sebagai bahan media iaitu maklumat terkini kepada pembangunan atau perkara berkaitan dengan sesebuah kampung itu sendiri," katanya.

Pada awal Disember lalu, Kampung Bukit Kapar muncul kampung tradisi terbaik peringkat negeri dan membawa pulang hadiah RM15,000 dan RM50,000 lagi dalam bentuk geran pembangunan.

Ketua Kampung, Marshadan Mohsin berkata, pelbagai kegiatan bermanfaat dianjurkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan (JKKK) antara penyebab kampungnya dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

## Sasaran PKNS bina Rumah Mampu Milik

# 7,500 dalam tempoh lima tahun

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyasarkan untuk menyediakan sekurang-kurangnya 7,500 unit rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun bermula 2015.

Pengurus Besarinya Azlan Md Alifiah berkata PKNS juga menyarankan orang ramai yang berpendapatan rendah dan berhasrat memiliki kediaman di negeri itu supaya membuat permohonan menerusi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Beliau berkata langkah itu bertujuan memudahkan pihaknya menyediakan lebih banyak rumah mampu milik sekali gus membantu rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman sendiri pada harga berpatutan.

"Kami lihat rakyat Selangor sukar untuk membeli rumah di negeri ini berikutan harga rumah di-



**PKNS mengambil pendekatan menyediakan rumah mampu milik dengan harga sekitar RM175,000 hingga RM250,000 (sebuah)**

**AZLAN MD ALIFIAH**  
Pengurus Besar PKNS

tawarkan pemuja lebih RM500,000 sebuah.

"Oleh itu, PKNS mengambil pendekatan menyediakan rumah mampu milik dengan harga sekitar RM175,000 hingga RM250,000 (sebuah), selain memenuhi dasar kerajaan negeri untuk terus memberikan komitmen membina lebih banyak rumah mampu milik," katanya.

Beliau berkata rakyat Selangor yang memenuhi syarat ditetapkan serta berdaftar dengan LPHS akan diberi keutamaan untuk memiliki kediaman yang ditawarkan PKNS.

Katanya, PKNS hanya menerima senarai nama pemohon daripada LPHS yang diperakukan Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pembeli Rumah Mampu Milik.

## Guna burung pungguk tangani tikus

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bakal mengguna pakai burung pungguk bagi menangani masalah tikus di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) sekiranya langkah itu berkesan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata Kerajaan Negeri tiada sebarang masalah untuk melaksanakan kaedah itu.

Katanya, namun pihaknya perlu melihat dan mengkaji keberkesanan dilakukan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) ketika ini terlebih dahulu.

"Tiada masalah untuk dilaksanakan. Kita akan mengguna pakai jika kaedah itu efektif.

"Ketika ini, MPSJ terlebih dahulu melaksanakannya dan kita akan melihat keberkesanan daripada mereka," katanya kepada SelangorKini pada 26 Disember lalu.

Sebelum ini, MPSJ dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) menggunakan burung pungguk sebagai ejen biologi mengawal pembiakan tikus.

Sebanyak 12 burung pungguk ditempatkan di Subang Jaya, USJ dan Bandar Sunway dalam tempoh enam bulan bagi inisiatif pertama seumpamanya di Asia.

Sebelum ini, kaedah racun bagi mengawal populasi tikus kurang berkesan.

Bagi merealisasikan hasrat itu,



**Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) menggunakan burung pungguk sebagai ejen biologi bagi menangani masalah pembiakan tikus**

MPSJ memperuntukkan RM50,000 selain ia turut mendapat tajaan hampir RM100,000 hasil sumbangan pejabat Adun Subang Jaya serta beberapa sektor swasta di sekitar kawasan Subang Jaya.

Dalam tempoh dua tahun lalu hampir 8,500 tikus berjaya ditangkap di kawasan MPSJ.

Diet pemakanan burung pungguk lebih eksklusif kepada tikus perosak dan dianggarkan sepasang burung pungguk bangsal boleh makan 1,300 tikus setahun.



### BURUNG PUNGGUK BANGSAL

- Sepasang burung boleh memakan 1,300 tikus setahun
- 12 burung ditempatkan di Subang Jaya, USJ dan Bandar Sunway
- Saiz tikus seberat hampir 350 gram boleh dimakan pada satu-satu masa
- Menangkap jumlah mangsa lebih banyak semasa musim mengawan

## Atasi segera isu insentif hasil padi

**SHAH ALAM** - Isu Insentif Peningkatan Hasil (IPH) dihadapi petani di Sekinchan, dekat sini, memerlukan penyelesaian segera bagi membelah golongan berkenaan.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim, berkata Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diminta mengkaji perkara itu dan bertindak segera menyelesaikannya.

"Isu IPH ini dihadapi mereka agak lama dan dikatakan sudah tertangguh sejak tiga tahun lalu.

"Saya harap kementerian boleh memberi penjelasan mengenai dan mengatasinya segera," katanya kepada SelangorKini di sini, pada 27 Disember lalu.

Beliau berkata, setakat ini tiada sebarang maklumat diperoleh mengenainya sama ada insentif itu masih diteruskan atau sebaliknya.

Katanya, usaha kerajaan bagi membantu petani disokong namun seharusnya ia tidak mendatangkan masalah sebagaimana dialami petani kini.

"Petani bergantung harap kepada bantuan sebegini untuk te-

rus mengusahakan sawah dengan kos tinggi termasuk sewa dan sebagainya. Diharap masalah ini mampu diatasi segera," katanya.

Difahamkan, isu IPH pernah dihadapi sebelum ini dengan petani mengadakan demonstrasi dan kerajaan menyelesaikan dengan pembayaran segera.

Berhubung bayaran subsidi, Suee Lim berkata, pembayaran tertangguh sebelum ini sudah diperoleh majoriti petani di situ baru-baru ini.

"Kita akan sentiasa memberi perhatian terhadap perkara ini supaya ia tidak mendatangkan masalah lagi kepada petani," katanya.

Pada 10 Disember lalu, Suee Lim bersama kira-kira 100 petani dari Sekinchan mengadakan himpunan di hadapan kilang Padiberas Nasional Berhad (Bernas) di sana, supaya masalah pembayaran subsidi dan IPH diselesaikan segera.

Suee Lim tidak menolak kemungkinan petani akan mengadakan himpunan beramai-ramai di Putrajaya sekiranya tiada jalan penyelesaian.



## GST, kelemahan ringgit

## Kejatuhan 30% jualan ICT

**SHAH ALAM** - Jualan dalam industri ICT terjejas disebabkan kelemahan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dan kelembapan ekonomi.

Pengerusi Persatuan Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom), Chin Chee Seong, berkata jualan dalam industri ICT jatuh 30 peratus sejak cukai barangan dan perkhidmatan (GST) diperkenalkan pada April walaupun peruncit, pembekal dan pengguna sudah menyesuaikan diri dengan cukai baharu itu, kata persatuan.

Beliau berkata, jualan juga terjejas disebabkan kelemahan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dan kelembapan ekonomi.

Menurut Chin, faktor itu menyebabkan jualan masih belum meningkat selepas GST diperkenalkan dan pasaran dijangka pulih semula pada separuh kedua 2016.

Katanya, walaupun jualan meningkat dalam tiga bulan pertama 2015 disebabkan pengguna tergesa-gesa membeli sebelum GST, ini masih belum dapat menampung kerugian selepas cukai baharu itu dikuatkuasakan.

"Kejatuhan nilai ringgit, turun naik harga minyak mentah, keadaan ekonomi yang lembap, kekurangan keyakinan pengguna dan rantaian kesan daripada penghapusan subsidi, kesemua faktor ini berkait rapat dalam

**Walaupun jualan meningkat dalam tiga bulan pertama 2015 disebabkan pengguna tergesa-gesa membeli sebelum GST, ini masih belum dapat menampung kerugian selepas cukai baharu itu dikuatkuasakan**

**CHIN CHEE SEONG**  
Pengerusi Persatuan PIKOM

menghalang proses 'pemulihan' tersebut.

"Kami menjangkakan pemulihan dalam pasaran runcit ICT

(selepas GST) yang akan mengambil masa lebih lama daripada mungkin hanya akan berakhir pada separuh ke-2 tahun 2016," katanya dipetik The Malaysian Insider.

Dalam penilaian industri ICT selepas lapan hingga sembilan bulan GST dilaksanakan, Chin berkata, syarikat kecil yang paling terkesan daripada cukai itu kerana mereka tidak dapat menuntut semula cukai input dikenakan terhadap mereka.

Mereka tidak dapat memindahkan cukai dikenakan kepada pengguna. Menurut Jabatan Kastam, hanya perniagaan yang mempunyai perolehan sebanyak RM500,000 setahun dapat mengenakan GST kepada pelanggan.

"Pikom bercadang untuk menjalankan kaji selidik untuk mengukur sentimen dan kesan keseluruhan industri ICT, khususnya di kalangan anggota runcit dan SME pada suku pertama 2016, selari dengan setahun pelaksanaan GST. Mungkin gambaran yang lebih jelas akan dapat membantu mereka," kata Chin.

Sementara itu, katanya, dari segi kadar nilai ringgit yang semakin rendah berbanding dolar AS, sememangnya menjejaskan jualan kerana harga produk dan perkhidmatan ICT menjadi lebih mahal.

"Pada masa sama, nilai ringgit yang lemah juga akan membantu pengeksporn kita untuk menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran global," katanya.

## Kerajaan Persekutuan patut kecualikan GST keperluan sekolah



**SHAH ALAM** - Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) meminta Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan untuk mengecualikan keperluan sekolah daripada dikenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Setiausaha Agung PPIM, Datuk Dr Maamor Osman (*gambar*) berkata, kenaikan kos sara hidup sudah cukup membebankan, kini ditambah pula dengan kenaikan harga keperluan sekolah yang pastinya membebankan lagi kewangan ibu bapa.

Katanya, saban tahun ber-

laku kenaikan harga barang dan perkhidmatan dan ia memberi kesan terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan mempunyai ramai anak bersekolah.

"Suasana sekarang ini dirasakan lebih sukar bagi ibu bapa memenuhi keperluan anak-anak, dengan kenaikan harga barang sedangkan pendapatan tidak meningkat.

"GST diketahui membebankan, ditambah pula dengan kos menyediakan keperluan sekolah," katanya dipetik Sinar Harian.

## SPRM: Siasatan SRC, RM2.6 bilion Najib siap minggu depan

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mengemukakan hasil siasatan ke atas bekas anak syarikat 1MDB, SRC International dan derma RM2.6 bilion yang disalurkan ke akaun bank peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada minggu depan.

Pengarah Operasi Khas SPRM, Datuk Bahri Mohd Zin, berkata beliau memberi jaminan bahawa kedua-dua siasatan itu akan dilakukan secara bebas, telus, dan profesional.

"Saya selaku Pengarah Bahagian Operasi Khas, ingin memaklumkan yang pasukan siasatan kes ini diberi panduan dan amanat Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed bahawa pasukan siasatan mesti merekodkan syor berkenaan hasil siasatan dengan bebas iaitu sama ada terdapat kes ataupun sebaliknya.

**Jika terdapat kes, menjadi tanggungjawab kami untuk mencadangkan pertuduhan dalam laporan Kertas Siasatan yang akan dikemukakan kepada Peguam Negara pada minggu depan. Begitu juga sebaliknya.**

**TAN SRI ABU KASSIM**  
Ketua Pesuruhjaya SPRM

"Jika terdapat kes, menjadi tanggungjawab kami untuk mencadangkan pertuduhan dalam laporan Kertas Siasatan yang akan dikemukakan kepada Peguam Negara pada minggu depan. Begitu juga sebaliknya.

"Pengurusan Tertinggi SPRM berpendirian perkara ini penting bagi memastikan semua pihak akan mengetahui yang SPRM telah mengambil segala tindakan secara profesional dan bebas," katanya dalam kenyataan media.

Bahri berkata demikian ketika mengulas laporan beberapa portal dan akhbar yang memetik karya Datuk A Kadir Jasin yang mempertikaikan siasatan SPRM itu mungkin satu muslihat.

Isu RM2.6 bilion pertama kali timbul pada Julai lalu apabila The Wall Street Journal melaporkan bahawa wang berkenaan disalurkan ke akaun bank peribadi Najib ketika pilihan raya umum ke-13.

Turut disalurkan dalam akaun Najib mengikut laporan itu adalah dana RM42 juta yang didakwa dari SRC International. Najib sebelum ini, menafikan sebarang salah laku.



## RM2,000 sedia musim persekolahan baru

**SHAH ALAM** - Ibu bapa dianggarkan perlu membelanjakan RM400 untuk membeli kelengkapan sekolah sahaja yang terdiri daripada pakaian seragam, alat tulis dan beg sekolah.

Kajian dilakukan China Press menganggarkan jika ditambahkan dengan kos pengangkutan, kelas tuisyen di sekolah dan bayaran-bayaran sampingan yang lain, maka jumlahnya pasti mencecah RM800.

Bagi ibu bapa yang mementingkan kualiti peralatan sekolah, sila sediakan sekurang-kurangnya RM900 untuk anak yang belajar di sekolah rendah.

Kos untuk anak di sekolah menengah pula pastinya lebih tinggi lagi.

Baju Sekolah Lengan Pendek X2	RM 49.80
Tali Pinggang	RM 12.90
Seluar Sekolah (Pendek) X2	RM 57.80
Stoking Rm4.90 X2	RM 9.80
Kasut Sekolah	RM 29.90
Botol Air	RM 23.90
Beg Sekolah	RM 69.90
Pemutih Kasut	RM 4.90
Alat Tulis Yang Asas	RM 35.00
Kotak Pen	RM 8.90
Baju Sukan X2	RM 37.80
Seluar Sukan X2	RM 44.00
Yuran Tuisyen Sekolah	RM 160.00
Pelbagai Yuran Dan Bayaran	RM 100.00
Buku Dan Buku Latihan	RM 100.00
Kos Pengangkutan	RM 130.00
-----	-----
Jumlah	RM 874.60
-----	-----

Kesimpulan yang dibuat akhbar itu ialah ibu bapa yang mempunyai dua anak yang sedang bersekolah perlu menyediakan RM2,000 untuk musim persekolahan baharu.

Perlombongan Bauksit ancam kesihatan rakyat

# Kerajaan Pahang patut henti segera

**SHAH ALAM** - Kerajaan Pahang digesa mengambil tindakan segera dengan memberhentikan semua aktiviti perlombongan bauksit.

Adun Beserah, Andansura Rabu (**gambar**), berkata penduduk kini semakin berani bertindak sendiri dengan membakar lori bauksit kerana kecewa dengan tindakan Kerajaan Pahang yang gagal menangani masalah itu.

Katanya melihat trend kemarahan itu, Kerajaan Pahang perlu segera menangani masalah itu sebelum tercetusnya masalah lebih rumit.

"Kerajaan Pahang tidak boleh melengah-lengahkan lagi perkara itu dan saya bimbang kejadian sama terus berulang memandangkan ini kali keenam kejadian lori terbakar berlaku.

"Jadi dalam hal ini, Kerajaan Pahang atau pihak berkenaan perlu membuat sesuatu agar masyarakat tidak bertindak sendiri kerana ia boleh mengundang sesuatu lebih teruk lagi berlaku," katanya dalam kenyataan media di sini 22 Disember lalu.

Menurutnya, kebangkitan



Gambar Sumber Internet



masyarakat di Pahang dapat dilihat selepas kejadian maut membabitkan seorang guru akibat ditimba tayar lori bauksit yang tercabut dan terpelanting.

"Selepas tragedi itu, masyarakat mula melihat kegagalan pihak berkuasa menangani dan mengambil tindakan sewajarnya berhubung masalah itu.

"Alasan ini menyebabkan masyarakat nekad untuk mengambil tindakan sendiri dan ini mengundang pelbagai kejadian tidak diinginkan," katanya.

## Wujudkan jawatankuasa khas pinda RUU MKN

**SHAH ALAM** - Kerajaan Persekutuan digesa mewujudkan jawatankuasa khas melibatkan ahli parlimen kerajaan dan pembangkang bagi mencadangkan pindaan baru kepada rang undang-undang Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2015.

Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang, berkata kajian itu kemu-

diannya boleh dikemukakan kepada Sidang Khas Parlimen pada akhir Januari depan yang diadakan untuk mempertimbangkan kelulusan kepada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Katanya, ini bermakna memanjangkan Sesi Khas Parlimen daripada dua hari kepada empat hari untuk memasukkan

perdebatan mengenai pindaan rang undang-undang MKN bagi menangani kelemahan dan kepincangannya.

"DAP dan Ahli Parlimen Pakatan Harapan bersedia bekerjasama menyertai apa-apa jawatankuasa khas untuk mencadangkan pindaan kepada rang undang-undang MKN.

"Ia supaya ia dibentangkan kepada Parlimen Khas pada akhir Januari sebelum rang undang-undang itu dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan menjadi undang-undang," kata Kit Siang dalam kenyataan media pada 23 Disember lalu.

Bagaimanapun, Kit Siang sangsi jika Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan menterinya menerima tawaran itu.

"Malah rang undang-undang MKN secara tergesa-gesa diluluskan oleh Dewan Rakyat seperti 'pencuri pada waktu malam' tanpa notis awal ataupun rundingan?" soalnya.



## NOW: Kenapa YaPEIM beli simulator golf?

**SHAH ALAM** - Pusat Pemantau dan Pendedahan Maklumat Nasional (NOW) mempersoalkan tindakan Kumpulan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) membeli simulator golf.

Pengarah NOW, Akmal Nasir (**gambar**), berkata pihaknya mengulangi persoalan mengapa YaPEIM membeli mesin tersebut kerana penyumbang yayasan berkenaan dan orang ramai berhak mengetahuinya.

Katanya, perkara itu bertentangan dengan fakta daripada Bajet 2013 YaPEIM yang menyatakan Pusat Latihan Golf atau Simulator Golf dibuat untuk Sukan Korporat YaPEIM.

"Kita mempertikaikan tujuan pembelian simulator golf itu, bagi saya masih tidak jelas.

"Kini Ketua Pegawai Eksekutif mendakwa simulator golf itu adalah untuk hotel empat bintang milik YaPEIM yang masih lagi belum wujud.

"Berapa banyak mereka membayar untuk memperoleh dan mengekalkan simulator itu," soalnya pada kenyataan pada 26 Disember lalu.

Akmal berkata hal itu disebabkan apa sahaja pendapatan



YaPEIM yang dijana harus diserahkan kembali untuk aktiviti amal jariah, selaras dengan objektif yayasan itu.

Sebelum ini, YaPEIM menafikan dakwaan pihak tertentu bahawa yayasan itu membeli simulator golf menggunakan sumbangan jariah orang ramai.

Sebaliknya, simulator itu dibeli hasil daripada pendapatan perniagaan yayasan itu.

Simulator golf yang kini ditempatkan di bangunan sembilan tingkat milik YaPEIM di Petaling Jaya juga akan dijadikan pusat kecergasan dalaman apabila bangunan itu dinaik taraf kepada hotel bertaraf empat bintang kelak.

## Fahami perbezaan, perkukuh perpaduan

**SHAH ALAM** - KEADILAN dan gabungannya komited untuk terus menjunjung Perkara 18 dan 20 dijanjikan sewaktu penubuhan Malaysia pada 1963.

Presiden KEADILAN, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail berkata pihaknya akan bekerja lebih kuat untuk memastikan perjanjian itu terlaksana sepenuhnya.

"2015 sudah pun hampir ke penghujungnya. Oleh itu, rakan-

rakan kita yang beragama Kristian menyambut Hari Krismas.

"Marilah kita mengambil kesempatan yang ada untuk kunjung-mengunjung dan merapatkan tali persahabatan di antara kita," katanya dalam kenyataan media pada 25 Disember lalu.

Azizah berkata, hanya dengan memahami perbezaan, perpaduan akan terjalin dalam suasana aman dan damai.

## SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG : Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezzi Mashut, Naem Raffi

WARTAWAN:

Afeeqa Afeera: afeeqa@mediaselangor.com,

Hafizan Taib: haptizantib@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Afif Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Norhayati Umer: hayati@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news@selangorkini@gmail.com

Ahmad Maslan cadang dua kerja

# Henti sakitkan hati rakyat

**SHAH ALAM** - Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan dinasihatkan untuk berdiam diri daripada terus menyakitkan hati rakyat.

Ketua Angkatan Muda KEADILAN, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata demikian merujuk idea Ahmad Maslan yang menggesa rakyat menajawat dua pekerjaan sebagai usaha menampung kos sara hidup.

Katanya, ia jelas membuktikan Kerajaan Barisan Nasional (BN) mengakui isu kenaikan kos sara hidup semakin serius selain ketandusan idea menanganinya.

"Bukan sahaja cadangan itu tidak konstruktif sebagai kaedah penyelesaian daripada pucuk pimpinan negara, malah ia

merupakan penghinaan kepada rakyat yang semakin tertekan menghadapi realiti kehidupan.

"Sekiranya kerajaan BN benar-benar percaya menajawat dua pekerjaan sebagai jalan penyelesaian, ini juga bukti kerajaan negara ini gagal dalam menguruskan ekonomi dengan baik sehinggakan rakyat terpaksa memikul bebanan lebih," katanya dalam kenyataan pada 29 Disember lalu.

Sebelum ini, Ahmad Maslan berpendapat rakyat Malaysia perlu melakukan dua pekerjaan sebagai cara menanganikan peningkatan kos sara hidup seperti mana dilakukan kebanyakan rakyat di luar negara.

Selepas cadangan itu dikritik hebat

pengguna media sosial, Ahli Parlimen Pontian itu mempertahankan pandangan itu dengan memberi contoh dirinya yang mengamalkan tiga pekerjaan (Ahli Parlimen, Timbalan Menteri, Ketua Penerangan Umno) dalam satu masa untuk ditalani rakyat.

Nik Nazmi berkata, perkara itu hanya membuktikan bahawa menteri itu langsung tidak dapat membezakan jawatan dipegang dengan pekerjaan dibuat rakyat.

"Kami syorkan mana-mana menteri, seperti Ahmad Maslan, jika tidak dapat menyumbang idea atau mengeluarkan polisi membantu rakyat, baiklah mendingkan diri daripada menyakitkan hati," katanya.

**Bukan sahaja cadangan itu tidak konstruktif sebagai kaedah penyelesaian daripada pucuk pimpinan negara, malah ia merupakan penghinaan kepada rakyat yang semakin tertekan menghadapi realiti kehidupan**

**NIK NAZMI**  
Ketua Angkatan Muda KEADILAN

## TPM patut dedah penswastan dilulus Najib

**SHAH ALAM** - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi perlu mendedahkan semua penswastan yang diluluskan sejak Datuk Seri Mohd Najib Razak menjadi Perdana Menteri.

Setiasuaha Agung KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata Najib sepatutnya mula mengambil tindakan terhadap perjanjian disifatkan berat sebelah bagi memastikan rakyat tidak dibebankan dengan bayaran pampasan tinggi kepada pemegang konsesi.

"Jika beliau tidak berani mendedahkan perjanjian itu dan mengambil tindakan untuk menghentikan kegilaan menswastakan projek kerajaan melalui konsep konsesi, beliau sewajarnya tidak bercakap mengenai perjanjian konsesi lain yang semuanya diluluskan pentadbiran Umno-Barisan Nasional," katanya yang juga Ahli

Parlimen Pandan dalam kenyataan media pada 29 Disember lalu.

Katanya, beliau turut melahirkan kebimbangan pentadbiran Najib menganugerahkan lebih banyak perjanjian konsesi yang membebaskan rakyat berbanding Perdana Menteri terdahulu.

Meskipun beliau bersetuju banyak perjanjian konsesi lebuhraya dan penjana bebas (IPP) diluluskan pentadbiran Tun Mahathir Mohamad namun bukan bermakna pentadbiran Najib Razak tidak mampu berbuat apa-apa untuk berunding semula perjanjian.

Katanya, KEADILAN sebelum menjelang PRU-13 sudah mencadangkan penubuhan sebuah Suruhanjaya Perjanjian Awam (Public Agreements Commission) untuk menyemak kembali kesemua perjanjian dengan pihak swasta yang meli-

**Walaupun banyak perjanjian konsesi lebuhraya dan penjana bebas (IPP) diluluskan pentadbiran Tun Mahathir Mohamad namun bukan bermakna pentadbiran Najib Razak tidak mampu berbuat apa-apa untuk berunding semula perjanjian**

**RAFIZI RAMLI**  
Setiasuaha Agung KEADILAN

batkan kepentingan awam.

Suruhanjaya itu juga berhak memutuskan cadangan untuk memastikan kepentingan rakyat lebih dilindungi namun ia tidak diendahkan kerajaan.

## PAS: "Jangan digigit dari lubang sama"

**SHAH ALAM** - Ahli-ahli PAS perlu berhati-hati kerana kemungkinan perkembangan politik terkini adalah perancangan secara halus untuk memecahbelahkan PAS.

Pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Iskandar Samad, berkata Presiden PAS hanya sekadar menghadiri Multaqa Al-Azhar tetapi terdapat media yang mencanangkan seolah-olah PAS akan bersatu dengan UMNO atau PAS akan menubuhkan kerajaan perpaduan bersama UMNO.

Katanya, media yang selama ini memusuhi PAS atau sentiasa memburuk-burukkan pimpinan PAS menjadikan isu ini berita utama mereka.

"Kononnya pelbagai inisiatif sedang dirancang bersama oleh kedua-dua parti.

"Mereka mendakwa terdapat kumpulan yang menyokong perpaduan bersama UMNO dan terdapat kumpulan yang menentang. Mungkin agar ahli-ahli PAS bergaduh sesama sendiri," kata



**Datuk Iskandar Samad**

Iskandar dalam kenyataan media pada 23 Disember lalu.

Beliau berkata ahli perlu berwaspada dengan taktik seperti ini kerana "political move" dari Umno ini mungkin terdapat "udang di sebelah batu".

"Umat Islam juga sentiasa diingatkan agar tidak digigit dari lubang yang sama," katanya.

## MCMC keluar 50 kompaun syarikat telekomunikasi RM2.29 juta

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengeluarkan sebanyak 50 kompaun berjumlah RM2.29 juta kepada syarikat telekomunikasi atas kesalahan pendaftaran palsu kad sim prabayar bagi tempoh antara Januari hingga Disember tahun ini.

Ketua Pegawai Keselamatan Rangkaian, Penguatkuasaan dan Advokasi MCMC, Zulkarnain Mohd Yasin, berkata jumlah kompaun itu merupakan peningkatan sebanyak 89 peratus berbanding dengan jumlah kompaun dikeluarkan pada 2014.



Tambahnya, kompaun itu dikeluarkan kepada syarikat telekomunikasi pada bulan Mac, September dan yang terbaharu, pada awal Disember lalu.

Pada Mac dan September, MCMC mengeluarkan sebanyak

25 kompaun berjumlah RM1.11 juta manakala pada awal Disember lalu, sebanyak 25 kompaun lagi berjumlah RM1.18 juta dikeluarkan.

"MCMC memandang serius kesalahan dilakukan syarikat telekomunikasi tersebut dan kami mengambil tindakan tegas terhadap syarikat telekomunikasi dalam isu pendaftaran palsu kad sim prabayar kerana ia melibatkan isu keselamatan," kata Zulkarnain dalam kenyataan media yang dipaparkan dilaman Facebook pada 23 Disember lalu.

Pengenalan pendaftaran talian

prabayar sejak 2006 adalah bagi tujuan keselamatan dan perlindungan pengguna namun MCMC mendapati siasatan terhadap kes jenayah sering menemui jalan buntu apabila talian yang dikenalpasti digunakan oleh penjenayah adalah talian pendaftaran palsu.

Dalam pada itu, Zulkarnain juga menggesa syarikat telekomunikasi agar lebih bertegas terhadap ejen mereka dalam mematuhi garis panduan yang ditetapkan ketika menjalankan operasi serta tidak mengabaikan aspek keselamatan negara dan kepentingan pengguna.

**MCMC memandang serius kesalahan dilakukan syarikat telekomunikasi tersebut dan kami mengambil tindakan tegas terhadap syarikat telekomunikasi dalam isu pendaftaran palsu kad sim prabayar kerana ia melibatkan isu keselamatan**

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kesihatan menetapkan beberapa syarat dalam membenarkan pengendali makanan menggunakan kertas surat khabar untuk membungkus dan menyediakan makanan dan kegagalan mematuhi syarat itu bakal berdepan hukuman denda RM10,000 atau penjara dua tahun.

Kementerian mengambil maklum bahawa masih terdapat pengendali makanan menggunakan kertas surat khabar yang bersentuhan secara langsung dengan makanan sedia dimakan seperti untuk membungkus makanan, menutup makanan atau untuk menyerap minyak daripada makanan.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata antara syarat ditetapkan termasuk hanya membenarkan surat khabar digunakan sebagai lapisan kedua untuk membungkus makanan yang sedia dimakan dan tidak bersentuhan secara langsung dengan makanan.

"Bahan pembungkus seperti plastik (lutsinar) atau daun pisang hendaklah di-

Guna surat khabar bungkus makanan

# Denda RM10,000 atau penjara dua tahun

gunakan sebagai lapisan pertama yang melindungi sepenuhnya makanan tersebut daripada bersentuhan secara langsung dengan kertas surat khabar," katanya dalam kenyataan di sini, pada 26 Disember lalu.

Beliau berkata pembungkusan makanan sedia dimakan dengan surat khabar sebagai lapisan kedua juga hendaklah dikendalikan dengan kaedah yang dapat mengelakkan pencemaran dakwat daripada kertas surat khabar kepada makanan tersebut me-

lalui apa jua cara.

"Contohnya, pencemaran boleh terjadi melalui tangan pengendali makanan yang telah menyentuh kertas surat khabar terlebih dahulu dan kemudiannya menyentuh makanan sedia dimakan secara langsung," katanya.

Dr Noor Hisham berkata kertas surat khabar hendaklah tidak digunakan bersentuhan secara langsung dengan makanan sedia dimakan seperti untuk menutup makanan atau menyerap minyak daripada makanan bergoreng.



## Kerajaan memang patut halang atlet Israel

**SHAH ALAM** - Pemuda AMANAH menyambut baik tindakan kerajaan mengenakan sekatan terhadap dua peserta luncur angin dari Israel yang dijadualkan mengambil bahagian dalam satu kejohanan di Langkawi.

Naib Ketua Pemuda AMANAH, Mohd Fakhurulrazi Mohd Mokhtar, berkata sekatan itu perlu sebagai tanda protes terhadap Israel dan ia perlu dilakukan pada setiap perkara dan bukan hanya sukan semata-mata.

"Tindakan itu juga menunjukkan tanda sokongan dan solidariti Malaysia terhadap rakyat Palestin yang dizalimi oleh kerajaan haram Israel secara berterusan dengan cara tidak bertamadun.

"Pemuda AMANAH juga menyokong kerajaan untuk terus konsisten memastikan tidak berlaku sebarang hubungan Malaysia dan Israel termasuk penglibatan firma perunding Israel, APCO Worldwide," katanya dalam kenyataan pada 27 Disember lalu.

Dalam masa yang sama, Fakhurulrazi berkata, beliau melahirkan rasa kecewa atas kenyataan Ketua Biro Pembangunan Ekonomi DAP Perak, Chong Zhemin yang menyelar tindakan Khairy, kononnya menteri itu menggunakan sentimen politik dan peribadi dalam acara sukan antarabangsa itu.

"Sebagai rakan gabungan Pakatan Harapan, kami berhak untuk menegur DAP



Palestin isu sejagat bukan isu kaum atau bangsa

**Pemuda AMANAH juga menyokong kerajaan untuk terus konsisten memastikan tidak berlaku sebarang hubungan Malaysia dan Israel termasuk penglibatan firma perunding Israel, APCO Worldwide**

**MOHD FAKHRULRAZI**  
Naib Ketua Pemuda AMANAH

dalam hal ini kerana ia menyentuh sensitiviti umat Islam dalam negara ini dan pencinta keamanan sejagat yang sehingga kini sangat peduli terhadap nasib rakyat di negara Palestin.

"Diharap DAP lebih berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang kenyataan dan pandangan khususnya melibatkan sensitiviti umat Islam dan hukum hakam agama," katanya.

Sebelum ini, Khairy Jamaluddin menafikan visa dua peserta luncur angin dari Israel yang dijadual menyertai satu kejohanan di Langkawi.

## Indeks Harga Pengguna naik 2.6% pada November 2015

**KUALA LUMPUR** - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi November 2015 naik sebanyak 2.6 peratus kepada 114.8 berbanding 111.9 pada bulan sama, tahun lepas.

Jabatan Perangkaan Malaysia dalam kenyataan berkata, peningkatan IHP itu didorong peningkatan indeks kumpulan minuman alkohol dan tembakau (20.7 peratus); pelbagai barangan dan perkhidmatan (+5.9 peratus); restoran dan hotel (+4.6 peratus); kesihatan (+4.4 peratus); makanan dan minuman bukan alkohol (+4.1 peratus) manakala hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi-rumah (+3.8 peratus).

Pengguna "Kesemua enam kumpulan makanan dan minuman (wajaran 47.4) menyumbang sebanyak 97.8 peratus kepada peningkatan IHP bagi bulan November 2015.

"Selain itu, nilai indeks keseluruhan ini turut dipengaruhi peningkatan kumpulan komunikasi (+3.4 peratus) dan perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan sebanyak 2.6 peratus," katanya.

Secara keseluruhannya, indeks kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol (wajaran 30.3) meningkat 4.1 peratus untuk asas tahun ke tahun bagi November 2015 manakala indeks bagi bukan makanan mencatatkan kenaikan sebanyak 1.9 peratus.

Bagi perbandingan bulanan, IHP bagi November 2015 meningkat sebanyak 0.6 peratus.

"IHP bagi tempoh 11 bulan pertama 2015 mencatat kenaikan sebanyak 2.0 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas.

"Ini didorong oleh kenaikan kumpulan utama berwajaran tinggi iaitu indeks makanan dan minuman bukan alkohol (+3.6 peratus); perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (+2.4 peratus)," katanya dipetik BERNAMA.

Menurut jabatan itu, peningkatan lain adalah minuman alkohol dan tembakau (+12.6 peratus), kesihatan (+4.5 peratus), restoran dan hotel (+4.2 peratus) serta pelbagai barangan dan perkhidmatan (+4.1 peratus).

## DAP tegas tolak keganasan rejim Zionis

**SHAH ALAM** - DAP Perak menyatakan pendirian tegas menolak keganasan dan penindasan rejim Zionis terhadap rakyat Palestin.

Pengerusinya, Nga Kor Ming, berkata kenyataan Ketua Biro Pembangunan Ekonomi DAP Perak, Chong Zhemin, tidak mewakili parti itu, beliau berkata, DAP Perak sentiasa berdoa supaya keadilan ke atas rakyat Palestin dihentikan segera.

"DAP Perak yakin kompromi pro-

fesional untuk dua ahli sukan profesional tidak akan mengubah barang sedikit pun prinsip dan pendirian tegas kita dalam semua isu Palestin-Israel," katanya pada kenyataan media pada 27 Disember lalu.

Sebelum itu, Chong Zhemin menyesali kenyataan mediana berkaitan isu sekatan atlet Israel ke Malaysia disalah erti pihak tertentu, kononnya beliau berpihak kepada Israel.

**DAP Perak sentiasa berdoa supaya keadilan ke atas rakyat Palestin dihentikan segera**

**NGA KOR MING**  
Pengerusi DAP Perak



OLEH AFEQA AFEERA

Rakyat Muafakat, Negeri Berkat

# Tema muafakat warnai sambutan Maulidur Rasul

**SHAH ALAM** - Semangat muafakat menyinari sambutan Maulidur Rasul kali kedua tahun ini selaras dengan tema 'Rakyat Muafakat, Negeri Berkat'.

Sambutan peringkat Selangor yang diadakan di Stadium Malawati itu dipenuhi pelbagai acara bagi memperingati perjuangan Rasulullah S.A.W.

Acara bermula pada jam 8 pagi yang disertai 92 kontinjen jabatan kerajaan, badan bukan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan serta pelajar dari institusi pengajian tinggi dan sekolah.

Ribuan umat Islam termasuk barisan kenamaan mengambil bahagian dalam perarakan sejauh 1.8 km bermula dari Stadium Mini Seksyen 13 sehingga ke pentas utama Stadium Malawati dan diikuti bacaan ayat suci al-Quran dan ceramah khas.

Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah

Alhaj berkenan berangkat ke majlis itu mewakili DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Turut hadir Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Pada majlis itu, beberapa anugerah khas turut diberikan seperti Anugerah Khas Saidina Ali, Anugerah Khas Saidatina Khadijah, Anugerah Khas Imam Al-Ghazali, Anugerah Khas Khalid Al-Walid dan Anugerah Khas Umar Abdul Aziz.



## Jadikan Rasulullah S.A.W contoh teladan

**SHAH ALAM** - Umat Islam di Selangor perlu menjadikan Rasulullah S.A.W sebagai Uswahatun Hasanah (contoh teladan baik) dalam kehidupan seharian bagi mendapat keredaan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim, berkata ia boleh dipraktikkan dalam melaksanakan sistem pentadbiran cekap, menjaga ekonomi baik, menjamin sistem sosial adil dan bersama memacu kejayaan masyarakat dan negara.

"Apa artinya sebuah negeri tanpa rakyat dan apalah artinya jika mempunyai rakyat ramai tetapi tidak bermuafakat.

"Sepanjang sejarah umat Islam banyak peristiwa berlaku yang boleh dijadikan iktibar tetapi malangnya kita tidak banyak belajar, sebaliknya mendalamkan jurang perpecahan hingga akhirnya berlaku kerosakan tanpa

jalan keluar," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Selangor 1437H di Stadium Malawati, di sini, pada 24 Disember lalu.

Hadir sama, Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah Alhaj mewakili DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Pada masa sama, Haris berkata, ada pihak menjadikan 'adat' sebagai alasan untuk tidak bersatu dan terus berpecah-belah sedangkan ia bertentangan dengan maksud sebenar.

"Adat tidak sesekali menjadi punca perpecahan, namun adat berlandaskan kitabullah sering mendidik pengamalannya supaya bersatu padu dan muafakat berseesuaian dengan tema tahun ini Rakyat Muafakat Negeri Berkat," katanya.

## Anugerah Khas Imam Al-Ghazali milik Dr Mohd Farid Ravi

**SHAH ALAM** - Tokoh agama terkemuka, Dr Mohd Farid Ravi Abdullah, 44, dipilih menerima Anugerah Khas Imam Al-Ghazali Peringkat Selangor Tahun 1437H/2015M di Stadium Malawati, di sini, pada 24 Disember lalu.

Beliau menerima hadiah wang tunai RM10,000, piala iringan, sijil penghargaan dan sepersalinan pakaian yang disampaikan Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah Alhaj.

Turut mengiringi, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi dan Penga-



Dr Mohd Farid Ravi

rah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim.

Sementara itu, pendakwah bebas, Profesor Dr Che Muhaya Mohamad dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Saidatina

Khadijah Peringkat Selangor.

Dengan penganugerahan itu, Che Muhaya, 57, yang juga pakar optometris menerima RM10,000, piala iringan, sijil penghargaan dan sepersalinan pakaian.

Penerima lain adalah Datuk Mohd Shukri Dahlan bagi Anugerah Khas Khalid Al-Walid, Datuk Abdul Majid Omar untuk Anugerah Khas Umar bin Abdul Aziz dan Anugerah Khas Saidina Ali kepada Jihad Muhammad Fuad.

Penganugerahan itu berdasarkan sumbangan besar individu terbabit dalam memartabatkan syiar Islam di peringkat kebangsaan dan global yang diiktiraf pelbagai pihak.

## Vape: JAIS tunggu keputusan Fatwa

**BANTING** - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menunggu keputusan Majlis Fatwa Negeri Selangor sebelum melaksanakan sebarang undang-undang dan tindakan terhadap penggunaan rokok elektronik atau vape.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim berkata, JAIS bersedia melaksanakan peraturan berkenaan mengikut enakmen pentadbiran sedia ada.

"Kita (JAIS) hanya mengikut

perintah. Kalau difatwakan haram, maka kita akan kuatkuasakan (peraturan) sebab dalam enakmen JAIS, sesiapa yang melanggar fatwa, akan ada hukumannya.

"Sama seperti fatwa lain seperti rokok dan ajaran sesat, sesiapa yang melanggar fatwa, kita akan mengambil tindakan," katanya pada 23 Disember lalu.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai pendirian JAIS

dalam isu vape.

Sebelum ini, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata Kerajaan Negeri mengadakan bengkel khas untuk membincangkan isu vape pada awal tahun hadapan.

Bengkel itu bakal melibatkan semua pihak berkepentingan termasuk NGO serta persatuan vape dan akan diuruskan Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.



OLEH NORHAYATI UMOR

Sekinchan destinasi kelima terkenal Malaysia

# Perhebat promosi tarik pelancong

**S**ekinchan - Program riadah dan rekreasi Ahli Dewan Negeri Selangor (DNS) ke Sekinchan mampu membantu mempromosikan produk pelancongan kawasan itu dalam juga luar negara.

Speaker DNS, Hannah Yeoh, berkata satu pengalaman menarik apabila Adun dan kakitangan dewan berpeluang melihat produk pelancongan yang terdapat di Selangor.

"Setiap tahun Dewan Negeri mengadakan program sukan antaranya *bowling* dan menembak. Namun, tahun ini berlainan sedikit apabila kita membawa Adun dan kakitangan ke Sekinchan.

"Ia selepas cadangan daripada Adun Sekinchan, Ng Suee Lim yang seringkali mempromosikan produk kawasannya dalam dewan," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 17 Disember lalu.

Beliau berkata, maklum balas yang diterima daripada ahli dewan yang mahu program riadah itu diteruskan dan mencadangkan Kuala Kubu Bharu sebagai destinasi selepas ini.

"Sejak 2008 kita adakannya. Program riadah ini tidak memerlukan bajet tinggi kerana kita menggunakan perkhidmatan bas SUK, jadi ia memang menjimatkan kos," katanya.

Dalam program itu, seramai 42 orang termasuk 11 Adun dan kakitangan DNS menyertai aktiviti riadah terbabit.



Program sehari itu membawa Adun dan kakitangan melawat ke beberapa kawasan menarik di Sekinchan antaranya Ah Maa House, Muzium Padi, restoran makanan eksotik, Wisma Masri yang mengeluarkan produk makanan industri kecil sederhana dan Hotel Antik.

Menariknya, setiap peserta berpeluang menaiki kereta antik dalam lawatan itu ke beberapa destinasi dilawati.

**“**Setiap tahun Dewan Negeri mengadakan program sukan antaranya *bowling* dan menembak. Namun, tahun ini berlainan sedikit apabila kita membawa Adun dan kakitangan ke Sekinchan

**HANNAH YEOH**  
Speaker DNS

**Sasaran jadikan Sekinchan destinasi kelima terkenal Malaysia**

Sebelum ini, Ng Suee Lim, berkata kawasan Sekinchan disasarkan menjadi destinasi kelima dikenali di Malaysia dalam tempoh lima tahun.

Beliau berkata, Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan yang diketuainya komited memperhebatkan lagi promosi Sekinchan dalam negara dan luar negara bagi merealisasikan hasrat itu.

Katanya, usaha berterusan itu bagi membantu penduduk kawasannya supaya tidak hanya bergantung kepada sektor pertanian dan nelayan dalam kegawatan ekonomi ketika ini.

Pelancong dari Singapura yang teramai mengunjungi Sekinchan diikuti Hong Kong, Taiwan dan China. Manakala, bagi pelancong tempatan pula ialah Johor, Pahang, Pulau Pinang dan Melaka.

**Nikmati Mentarang Sekinchan**

Sementara itu, orang ramai juga berpeluang 'jalan-jalan cari makan' mencuba makanan laut

mentarang di gerai-gerai tepi jalan di Sekinchan.

Hal itu berikutan, hidupan marin daripada spesies siput terbabit bukan sahaja salah satu sumber pendapatan, bahkan makanan eksotik berkenaan terkenal kerana rasanya yang cukup enak.

Tidak menghairankan jika mentarang dijadikan sebagai satu lagi produk menarik bagi pelancong luar untuk mengunjungi Sekinchan.

Antara hidangan mentarang yang popular sama ada dibakar, sup, tomyam, tumis dan goreng tepung, manakala bagi yang ingin memasaknya sendiri di rumah, mentarang boleh dibeli dari gerai di sepanjang Jalan Parit 7 hingga ke Sungai Leman.

Lazimnya, mentarang dijual antara RM10 ke RM15 sekilogram bergantung kepada saiz dan harga semasa.

Malahan orang ramai juga berpeluang menikmati pelbagai produk IKS seperti bahu, kerepek, rempeyek dan pelbagai lagi yang di jual di Sekinchan pada harga menarik sambil menikmati keindahan sawah padi luas terbentang dan pemandangan indah laut.

Ayuh...Tunggu apa lagi, jom ke Sekinchan.



OLEH NORHAYATI UMOR

40 bazar dibuka, pelbagai program disediakan

# Liqa' Ukhawah tampil kelainan

**SHAH ALAM** - Liqa' Ukhawah yang bakal diadakan di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), 1 Januari depan menyasarkan kunjungan seramai 5,000 pengunjung.

Ketua Pegawai Eksekutif SACC, Shuhainie Shamsudin, berkata program yang diadakan bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul dan Tahun Baru 2016 itu menampilkan kelainan berbanding tahun lalu.

"Tahun lalu, kita adakan pada waktu pagi, namun sambutan yang menggalakan, tahun ini program diadakan daripada pagi hingga malam.

"Program bertemakan 'Memperkasakan Azam, Merapatkan Ukhwah' dipilih berdasarkan situasi cabaran kewangan dan ekonomi dan juga isu keharmonian masyarakat yang berlaku masa ini," katanya dalam sidang media, di Westside Cafe, SACC, di sini.

Shuhainie berkata antara pro-

gram menarik disediakan ialah ceramah oleh penceramah dan pakar motivasi terkenal seperti Profesor Dr Muhaya, Ustaz Pahrol Mohamad Juoi, Imam Muda Asyraf dan Ustazah Sharifah Khasif.

"Bagi golongan kanak-kanak pula, Upin dan Ipin bakal menghiburkan mereka dengan pelbagai aktiviti menarik melalui zon Khalifah kecil.

"Terdapat juga acara selawat oleh Pelajar Maahad Tahfiz Al Quran Misbahul Falah dan persembahan kumpulan 'Ustaz Jay, Raqib Majid dan The Hulubalang,' katanya.

Beliau berkata kira-kira 40 bazar bakal dibuka sepanjang program yang bermula jam 11 pagi hingga 10 malam di Perkarangan SACC.

## ATURCARA PROGRAM LIQA' UKHUWAH • 1 JANUARI 2016 PUSAT KONVENSYEN SHAH ALAM

WAKTU	LOKASI
11.00 - 12.00 Temui Upin & Ipin	GRAND SHAH ALAM
12.30 - 15.00 Rehat untuk Solat Jumaat	
15.00 - 16.00 Sejam bersama Zahariz Khuzaimah "Dengan Basikal Aku Menjelajah" Pameran Foto Zahariz Khuzaimah	GRAND SHAH ALAM RUANG LEGAR TINGKAT 1
16.00 - 17.00 Ceramah oleh Ustaz Pahrol Mohd Juoi	GRAND SHAH ALAM
17.00 - 17.30 Solat Asar diimamkan oleh Ustaz Pahrol Mohd Juoi	RUANG LEGAR TINGKAT 1
17.30 - 18.30 "Azam Membaca Al-Quran" & Gasidah oleh Ustazah Sharifah Khasif	GRAND SHAH ALAM
18.30 - 19.00 Selawat oleh Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Misbahul Falah	GRAND SHAH ALAM
19.00 - 19.30 Solat Maghrib diimamkan oleh Imam Muda Asyraf	RUANG LEGAR TINGKAT 1
19.30 - 20.30 Ceramah oleh Imam Muda Asyraf	GRAND SHAH ALAM
20.30 - 21.30 Ceramah oleh Prof. Muhaya	GRAND SHAH ALAM
21.30 - 22.00 Persembahan Kumpulan Ustaz Jay, Raqib Majid and the Hulubalang's	GRAND SHAH ALAM
<b>BAZAR &amp; ZON KHALIFAH KECIL</b> Sepanjang Hari	<b>RUANG LEGAR ARAS BAWAH</b>

## Piala Malaysia di SACC

**SHAH ALAM** - Anak Syarikat Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI), Corporation Communication Sdn Bhd (CCSB) membuka 'booth' di Liqa' Ukhawah dengan sajian aktiviti menarik.

Ketua Operasi TV CCSB, Syaiful Naim Othman, berkata pengunjung berpeluang untuk bergambar secara percuma dengan Piala Malaysia yang dipamerkan.

Katanya, program menarik lain melibatkan Piala Malaysia, uji bakat TV Selangor (TVS), persembahan

'buskers' dan akhbar Selangor Kini. "Persembahan 'buskers', Le Lagoo dan The Rascals akan dibuat pada sebelah petang bermula jam 4 petang," kata Syaiful.

Disamping itu, TVS juga mengadakan uji bakat untuk mencari pengacara rancangan dan penyampai berita.

Orang ramai dijemput untuk bersama-sama memeriahkan acara itu yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) pada 1 Januari 2016.





01



02



03



09



10



04



08



06



05



07

**01**  
Adun Ijok, Dr Idris Ahmad bersama pemain bola sepak Selangor dan Ijok Kids di Stadium Kuala Selangor memeriahkan Program Jelajah Piala Malaysia

**03**  
Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh bersama Exco Agama Datuk Dr Yunus Hairi dan Jabatan Agama Islam Selangor membuat lawatan ke Sekolah Agama Menengah Bestari di USJ 5 bertujuan mendapatkan peruntukan pembalikan kemudahan bagi keselesaan pelajar

**05**  
Adun Hulu Klang, Saari Sungib menyampaikan bayaran pertama RM1,000 Skim Mesra Usia Emas (SMUE) kepada sepuluh waris di DUN Hulu Klang

**07**  
Adun Taman Medan, Haniza Talha menyampaikan sumbangan untuk pembangunan bola sepak kepada Pengerusi Kelab Bola Sepak Medan Jaya FC, Raziz Zamri

**09**  
Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong mengedarkan kalender 2016 kepada penduduk di DUN itu

**02**  
Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar di Program Riang Ria ke Sekolah di Taman Seri Sentosa

**04**  
Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyampaikan sumbangan dan menziarahi mangsa kebakaran di Kampung Tengah, Sungai Sekamat, Kajang

**06**  
Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan berkesempatan menziarahi antara sepuluh warga emas yang banyak menyumbang jasa sekitar Salak-Giching-Labu Lanjut

**08**  
Adun Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridzwan bersama Jurutera JPS Daerah Gombak, Tuan Junaidi melawat kawasan banjir di Taman Gombak Ria untuk dibaiki sistem pariparan

**10**  
Adun Bukit Melawati, Jakiran Jacomah menyampaikan sumbangan peralatan sekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sungai Rambai

OLEH HAFIZAN TAIB

**KUALA KUBU BHARU** - Usaha mengangkat Selangor sebagai kota seni dan pusat kebudayaan memerlukan kerjasama semua pihak supaya segala perancangan ke arah itu tidak menjadi sia-sia.

Aktivis Seni, Prof Dr Siti Zainon Ismail, berkata pengisian terhadap usaha terbabit bukan hanya mengadakan program berbentuk kesenian tetapi perlu mengangkat dan memelihara khazanah seni bangsa ke tahap membanggakan.

"Kerajaan Negeri menyediakan dana besar tetapi jangan pula bila sampai kepada penyelaras, kita kekaburan dan ia hilang entah ke mana.

"Kita kena pastikan kumpulan dilantik dengan perjanjian jelas terhadap produk mahu dihasilkan. Kalau sekadar menari, latihan silat dan sebagainya tetapi tiada sebarang rakaman atau buku, ia hilang begitu sahaja. Dokumentasi itu penting," katanya kepada SelangorKini di sini, pada 25 Disember lalu.

Beliau berkata, sebagai negeri terkaya di Malaysia, khazanah Selangor perlu didokumentasikan supaya ia kekal sebagai rujukan semua pihak dan generasi pada masa hadapan.

Katanya, pengertian pembinaan kota seni juga perlu diperluaskan bukan sekadar di bandar besar seperti Shah Alam dan Petaling Jaya sahaja.

"Selangor ini begitu luas dan jangan terlalu ghairah di situ (bandar besar). Kita ada wilayah kecil seperti Tanjung Karang dan Kuala

## Realisasi kota seni dan pusat kebudayaan

# Khazanah Selangor perlu didokumentasi

Kubu Bharu.

"Kota kalau mengikut ertinya bukan bererti kota seperti mana kita kenal, ia adalah tugu atau benteng apabila mendirikan kota bererti membina benteng pertahanan.

"Selangor sudah ada benteng macam-macam maka siapa nak jaga kubu (Kuala Kubu Bharu) ini. Tolonglah bina kota dalam aspek menjaga khazanah warisan negeri," katanya.

Tokoh seni warisan Melayu itu berkata, kebanyakan persembahan besar dijalankan ketika ini digelar tradisional tetapi tidak mengangkat nilai warisan sebenar dan menepati konsep dimaksudkan.

"Sudah sampai masanya pemimpin, aktivis, masyarakat dan semua pihak bergabung tenaga dalam menjayakan program seni budaya selain usaha menjalankan kajian serta penulisan bahan sejarah.

"Segala aktiviti sebegini perlu didokumentasikan supaya ia kekal untuk tahun mendatang," katanya.

Kerajaan Negeri memperuntukkan RM53 juta bagi menajayakan rancangannya meran-



cakkan sektor seni dengan lima rancangan utama sepanjang 2016.

Lima rancangan itu adalah usaha penterjemahan dan buku audio, melaksanakan projek Peta Kebudayaan, membangunkan Shah Alam sebagai 'World Muslim Fashion City', membangunkan Galeri Seni dan Muzium Tekstil di Royal Klang Club dan mewujudkan Studio Terbuka di Petaling Jaya untuk pengkarya muda.



## Kuala Kubu Bharu semarak program kesenian dan kebudayaan

**KUALA KUBU BHARU** - Program kesenian dan kebudayaan perlu diadakan di sini secara kerap bagi menghimpunkan kalangan karyawan dan peminat seni dari seluruh negara.

Ia juga bagi menggalakkan aktiviti pelancongan dengan kehadiran orang ramai dari dalam dan luar ke bandar penuh sejarah ini.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Khee Hiong, berkata penganjuran Program Seni dan Masyarakat 2

kali ini ekoran kejayaan program pertama diadakan dua bulan lalu menampilkan Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said.

"Saya merancang mengadakan program seni dan kebudayaan di sini setiap dua bulan sekali. Program kali ini kita bersama Prof Dr Siti Zainon Ismail dalam beberapa acara antaranya Adab Berbusana Cara Melayu, Pameran Lukisan, Bicara Kesenian, Melukis Di Pasar Awam dan Jualan Buku, Bicara Buku serta yang lain.

"Penganjurannya juga bersesuaian dengan agenda Kerajaan Negeri mementingkan aktiviti sebegini apabila exconya, Amirudin Shari, turut menajayakan beberapa program di bandar ini bulan lalu," katanya kepada SelangorKini di sini, pada 25 Disember lalu.

Beliau berkata, sambutan diterima program dijalankan itu membanggakan begitu juga program kali ini menyaksikan mereka yang hadir mengambil bahagian dengan berdialog secara aktif sebagaimana ditunjukkan pelajar dari Universiti Malaya (UM).

"Kita mengalu-alukan kehadiran orang ramai dan kalangan sasterawan ke program ini sebagaimana kali ini turut dihadiri karyawan dari Indonesia," katanya.

Program Seni dan Masyarakat 2 dijayakan DUN Kuala Kubu Bharu dengan kerjasama Persatuan Sejarah Kuala Kubu, Seniman Paksi Rakyat, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor serta Majlis Daerah Hulu Selangor.

## Perbanyakkan program masyarakat dengan seni

**KUALA KUBU BHARU** - Penganjuran aktiviti seperti Program Seni dan Masyarakat yang diadakan di sini perlu diperbanyakkan demi mendekatkan masyarakat terhadap seni warisan budaya bangsa.

Aktivitis Seni, Prof Dr Siti Zainon Ismail, berkata acara sebegini memberi ruang kepada kalangan karyawan dan pengiat seni berhimpun untuk berkongsi pandangan serta mengkaji sejarah warisan negara.

"Ia perkara bagus untuk diteruskan dengan kita mendekatkan diri dengan khalayak apabila orang dapat mendengar perkara berkaitan ilmu juga sejarah seni dan budaya.

Beliau berkata, program dianjurkan di galeri seni itu sesuatu yang unik dan perlu diteruskan dengan kerjasama pemimpin setempat dan pihak berkaitan.

Katanya, ini kerana masyara-

kat tidak mendapat gambaran sebenar berkenaan seni budaya dan hanya menganggapnya sebagai seni hiburan semata.

"Sudah sampai masanya masyarakat, pemimpin dan aktivis digabungkan dalam acara begini.

"Selangor sebagai sebuah negeri kaya di Malaysia kita perlukan himpunan sejarah ditulis anak negeri sendiri dan ini contoh kegiatan dalam usaha menghimpunkan data sejarah itu," katanya.

Program terbabit adalah kesinambungan Program Seni dan Masyarakat pertama menampilkan Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said, dua bulan lalu.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Khee Hiong berkata, program seni dan kebudayaan dirancang diadakan dua bulan sekali di bandar itu bagi menghimpunkan kalangan karyawan dan peminat seni selain menggalakkan aktiviti pelancongan.





OLEH HASMI HASHIM

Selangor rumah terbesar karyawan

Pembangunan tanpa aspek kebudayaan adalah pembangunan yang tempang. Sebagai negeri termaju dengan menyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terbesar kepada negara.

Cabaran Selangor bukan hanya untuk memastikan pertumbuhan dapat dipacu dan pengagihan yang adil, tetapi juga dengan manusia yang tinggi budi pekertinya.

Harus disedari, kebudayaan adalah pendidikan terbuka. Pendidikan formal di sekolah tentunya tidak cukup untuk melahirkan manusia beradab tinggi.

Kalau hal ini disedari, maka kebudayaan juga akan menjadi lambang apakah kita benar-benar memahami erti kemajuan? Atau kita juga persis bentuk minda dunia ketiga yang hanya memikirkan aspek perbedaan semata-semata?

Seperti yang pernah diungkapkan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Selangor adalah "rumah terbesar karyawan". Berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, Selangor mempunyai kelebihan itu.

Ramai sekali para karyawan daripada pelbagai bidang tinggal dan berkreatif di Selangor. Bahkan, syarikat yang berkaitan perniagaan seni budaya seperti syarikat rakaman, produksi, perfileman,

# Memacu perkembangan seni budaya

galeri seni lukis sehingga para penerbit buku banyak sekali berpangkalan di Selangor.

Melihat kepada kelebihan dan kekuatan ini, Selangor perlu proaktif. Kita tidak perlu takut dengan momok-momokan pemikiran kuno yang beranggapan bahawa seni budaya adalah hiburan yang melalaikan ataupun sejenis pembaziran tanpa kebaikan sama sekali.

Seni budaya tidak lain adalah pelaburan jangka panjang untuk membina hati nurani dan memberi wajah kepada negeri dan bangsa.

Semua bangsa yang besar mempunyai harkat kebudayaan yang halus dan tinggi. Kala mana aspek kebudayaan mereka merudum, maka bangsa itu akhirnya luh dan hancur binasa pula.

Pembinaan budaya yang ampuh ke atas sesebuah masyarakat dan bangsa memang mengambil masa yang panjang.

Selain itu, usaha ini juga memerlukan keazaman para pemimpin politik selain kesedaran masyarakat terbanyak.

Ketika Mohamed Azmin memasuki pejabat dan dalam tempoh singkat beliau perlu membentangkan Belanjawan 2015, beliau menyentuh dengan seribu untuk menjadikan Petaling Jaya dan Shah Alam sebagai "kota seni".

Tidak dinafikan, waktu itu ramai yang kabur apakah konsep "kota seni" di kedua kota itu.

## Mengapa pula dua kota itu dipilih?

Shah Alam merupakan ibu negeri Selangor. Di mana-mana di dunia, pusat kekuasaan seperti Shah Alam dan kota komersialnya seperti Petaling Jaya ditekankan agar mempunyai nilai kebudayaan kuat.

Lihat sahaja bagaimana bandar raya seperti Seoul, di Korea Selatan, atau kota perdagangan seperti New York.

Banyak karya hebat muncul daripada kedua kota itu. Malah kota raya besar seperti London, Paris, Tokyo mempunyai kegiatan seni budaya yang rancak.

Mereka bukan hanya mempunyai auditorium untuk pentas teater, atau pawagam yang sentiasa penuh, juga mempunyai pengisian acara kebudayaan yang padat sepanjang tahun.

Daripada program dan pengisian itulah, inspirasi dan pemikiran masyarakat dapat dipupuk.

Kreativiti dan cita-cita dapat dibangunkan. Khayalan tentang hidup yang lebih baik pada masa depan dapat dicetuskan.

Ditambah pula dengan media yang bebas, penulisan yang tajam pun terhampar sehinggalah menjadi diskusi rancak, maka akal budi masyarakatnya tidak menjadi lemah longlai.

Memang hasil untuk melihat Shah Alam, Petaling Jaya bahkan Selangor ini sebagai negeri kosmopolitan berbudaya tinggi tidak dapat disaksikan dalam tempoh singkat.

Namun, sekiranya gagasan itu menjadi dasar yang berterusan, maka ia akan secara perlahan-lahan 'memaksa' pihak berkuasa tempatan dan penduduk di dua kota itu untuk membentuk kemajuan berserta aspek kebudayaan.

Bukan itu sahaja, syarikat yang bertapak di kedua kota itu akan terdorong untuk menyumbang hasil keuntungan mereka kepada pembangunan kebudayaan.

Gagasan ini dimulakan di Selangor. Hanya Selangor yang mampu. Selangor mampu bukan kerana negeri ini negeri terkaya dengan rizab berbilion ringgit, tetapi negeri ini mampu kerana negeri ini memiliki para karyawan yang paling ramai di Malaysia.

Mereka punya siang malam tidak pernah berhenti untuk berkreatif. Tangan-tangan mereka itu sesungguhnya sedang memajahi wajah negeri dan bangsa kita, dari semasa ke semasa.

OLEH DR. MOHAMMAD ALINOR ABDUL KADIR  
Felo Institut Darul Ehsan (IDE)

Pedagang dan Niagawan Selangor Kurun ke-18 Masihi

# Mengimbau kegiatan ekonomi di Selat Melaka

Lampiran yang diterbitkan semula oleh Dr. Lee Kam Hing dan Datuk Dr Mohd Yusof Hashim dipenghujung makalah mereka yang bertajuk Peperangan Selangor-Belanda: Sebab dan Akibat dalam Sejarah Selangor pada 1992 mengandungi secebis maklumat yang mendo- rong kami menulis makalah ini.

Lampiran ini sebenarnya adalah maklumat yang diterbitkan dalam Dokumen Belanda Oktober 1782 hingga Mac 1783. Maklumat yang kami rasakan amat berharga tersebut adalah berkenaan senarai nama pedagang dan niagawan yang berkelahiran atau bermastautin di Selangor dan bergiat di Selat Melaka sepanjang penghujung kurun ke-18M.

Turut disenaraikan adalah jenis kapal yang mereka gunakan dan juga jenis komoditi yang mereka perdagangan dan perniagaan. Tanpa berlembang, kami berikan senarai nama pedagang Selangor tersebut:

Agtmat (Melayu), Jamel (Melayu), Tweema (Bugis), Tji/The/The Seeng (Cina), Raesoel/Rasoel (Melayu), Baso (Melayu), Deeno (Melayu), Eje Seeng (Cina), Tajang (Bugis), Zaid (Arab), Malim (Melayu), Mamat (Melayu), Zaki (Arab), Tje Keling (Melayu, mungkin nama samaran), Toea (Melayu), Sale (Melayu), Pauw Tjoen (Bugis).

### Kepelbagaian perdagangan

Bolehlah langsung sahaja kami menambah hujah tentang kepelbagaian komoditi yang diperdagangkan, jenis-jenis kapal yang mereka gunakan, pertukaran matawang, harga komoditi, dan lain-lainnya.

Namun, seterusnya kami hanyalah mahu membawakan hujah tentang prinsip-prinsip perdagangan yang mereka mungkin amalkan, terutamanya yang Muslim.

Untuk membuktikannya, kami perlulah mendapatkan buku nota

catatan perdagangan setiap pedagang tersebut. Ini bukanlah kerja mudah sebab semuanya mungkin sudah musnah.

Mengenalpasti waris setiap pedagang tersebut sudah merupakan suatu yang sukar, inikan pula mendapatkan buku nota catatan perdagangan mereka.

Bersebabkan belum ada jalan keluar menyelesaikan hal ini, di sini kami hanyalah mahu membawakan hujah daripada gelintaran kami terhadap teks bertulis di Alam Melayu yang dapat dikelaskan sebagai teks perdagangan.

Begitupun, hanyalah tiga teks yang kami bawakan. Pertama-nya, tentang syair ulama/ilmuwan Hamzah Fansuri, yang aktif ber- dakwah di Aceh sekitar kurun ke-16M, menukulkan puisi yang bunyinya begini:

*Hai sekalian kita yang kurang Nafsumu itu lawan berperang Jangan hendak lebih baiklah kurang Janganlah sama dengan orang Amat-amati membuang diri Menjadi dagang segenap diri Baik-baik engkau fikiran Supaya dapat emas sendiri.*

### Pendidikan pedagang

Pedagang Muslim di Selangor yang sedikit sebanyak menuntut ilmu di pondok-pondok sekitar Alam Melayu seawal kurun ke-17M tentunya berkesempatan menghafal syair ini. Atau, mungkin-nya dikongsikan oleh pedagang-pedagang Aceh yang sama-sama berdagang dengan mereka di Selat Melaka.

Keduanya adalah berkenaan manuskrip karangan Sheikh Ab-



dul Rauf Ali al-Fan-suri bertajuk Mir'ah al-Tullab Fi Tashil al-Ma'rifah al-Ahkam al-Shar'iyyah Li al-Malik al-Wahhab (1011H/1633M) simpanan PNM MS 1046. Kitab ini adalah dalam Bahasa Melayu, walaupun tajuknya Arab. Kitab ini dikaji oleh Zulkefli dan Muhammad Subari.

Mereka meringkaskan kitab ini sebagai membahaskan beberapa puluh konsep ikhtisad seperti al-Bai', al-Riba, al-Manhi, Khiyar, Bai' Qabl Qabdh wa Ba'dahu, al-Tawliyah, al-Isyrak, al-Murabahah, al-Muhatah, Hukum Perniagaan Tanah-Pohon-Buah, Bai' al-Thimar wa al-Zara', Ikhtilaf al-Mutayabi'in, Mu'amalah al-Raqiq, Bai' al-salam, al-Aqrad (al-Qrd), al-Rahn, al-Taffis, al-Hajr, Wilayah al-saghir, al-sulh, al-Hiwalah, al-Daman, al-Syarikah, al-Iqrar, al-Ghasb, al-Syafa'ah, al-Qirad, al-Musaqah, al-Ijarah, lhya' al-mawat, Waqf, al-Hubah, al-Luqatah, al-Laqt, al-Ju'alah, al-Fara'id, al-Isha' dan al-Wadi'ah.

Yang menariknya, dalam banyak konsep berkenaan, Syeikh Abdul Rauf berhujah tentang manfaat/ guna/ pakai/sesuatu barang yang menjadi ukuran sah kontrak jual-beli.

Contohnya, tidak sah jual-beli ular, kala jengking, tikus dan lipas kerana tiada manfaat kepada syarak dan umum.

Juga, tiada manfaat jual-beli binatang buas yang tidak boleh dilatih untuk kegunaan seperti perburuan, keselamatan dan pengangkutan.

Sungguhpun begitu, keperluan perubahan dan binatang peliharaan (termasuk yang pelik) dianggap bermanfaat.

Contohnya, lintah, unggas, kucing dan sebagainya boleh dijual-

beli semata-mata untuk menikmati mutu suara, warna yang cantik, sumber perubahan dan sebagainya.

Barangan yang tiada fungsi seperti dua butir gandum tidak sah dijual-beli. Barangan yang melalaikan seperti alat muzik, contohnya kecapi dan serunai, tidak sah dijual-beli kerana ini bukan barang yang sah menurut syarak.

### Pengaruh manuskrip

Manuskrip ini juga berke- mungkinannya dikongsikan oleh pedagang-pedagang Aceh yang datang berdagang di Selangor. Kajian perlu dilakukan untuk melihat apakah manuskrip ini berada di Selangor ataupun mempengaruhi karya ulama Selangor.

Ketiganya adalah berkenaan seorang pedagang Minangkabau yang mentelaah manuskrip Sheikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri diatas bernama Moehammad Shaleh (1841-1922).

Walaupun beliau ini agak lewat bergiat dalam perdagangan berbanding Pedagang-Niagawan Selangor yang dinyatakan, namun prinsip dinukilkannya berke- mungkinannya adalah prinsip sama yang diamalkan oleh pedagang-niagawan Selangor kurun ke-18M tersebut.

Dikhabarkan bahawa Moehammad Shaleh menulis perjalanan kehidupannya sebagai pedagang-niagawan dalam banyak rekod bertulis pada 1914, kemudiannya diterbitkan pada 1933 dan 1965.

Seorang sarjana Jepun bernama Tsuyoshi Kato mengulas Riwaya Perdagangan Moehammad

Shaleh pada 1980 di Persidangan di Universiti Berkeley, USA.

Dilaporkan oleh warisnya bahawa Moehammad Shaleh ini buta huruf dan angka, namun mengambil inisiatif untuk menuntut ilmu sehinggakan terpaksa mendapatkan buku dari Pulau Pinang.

Kepadanya, mengira amatlah penting kepada seorang pedagang sebab dengan keupayaan tersebut seseorang pedagang mampu mengawal komoditi yang didagangnya, dengan lain perkataan mengawal inventori.

Kami tidaklah berhasrat untuk mengulas buku ini, malah yang lebih penting adalah mendapatkan buku tulisan Moehammad Shaleh 1914/1933/1965 dan mentelaahnya.

Namun di sini hanyalah berhasrat menyampaikan prinsip perdagangan beliau, yang didakwa sudah menerapkan sistem pengu- suran moden setaraf yang dibin- cangkan oleh Smith, Say, Schumpeter dan Drucker, pada zaman moden Eropah/Barat:

- i. Membuat keputusan-keputusan penting dan mengambil risiko untung-rugi dalam
- ii. Sasaran dan tujuan pokok sesuatu perusahaan/perniagaan/perdagangan haruslah jelas
- iii. Berbagai bentuk perusahaan/perniagaan/perdagangan harus diselenggarakan dengan
- iv. Memilih dan menetapkan wakil-wakil yang akan ditempatkan disetiap
- v. Mencipta cara-cara baru yang lebih berkesan dan cekap dalam pengendalian
- vi. Mencari sumber-sumber komo- diti/barangan yang baru, dan berupaya mengolahnya
- vii. Dapat memuaskan hati pelanggan dengan barang-barang yang bermanfaat, dan setiap perusahaan/perniagaan/perdagangan yang dijalankan, dan dapat/munasa- bah dilaksanakan.

Di sini, amatlah menarik jika dapat dibuktikan bahawa mana- mana Pedagang-Niagawan Mus- lim Selangor di atas juga menga- malkan prinsip selari atau sama.

**Manuskrip ini juga berkemungkinannya dikongsikan oleh pedagang-pedagang Aceh yang datang berdagang di Selangor. Kajian perlu dilakukan untuk melihat apakah manuskrip ini berada di Selangor ataupun mem- pengaruhi karya ulama Selangor.**



## MPSp lulus peruntukan

# RM300,000 bina semula kawasan tanah runtuh

OLEH HAFIZAN TAIB

**SEPANG** - Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) meluluskan peruntukan RM300,000 bagi membina semula kawasan tanah runtuh di Jalan Sekolah, Kampung Baru Salak, di sini.

Yang Dipertuanya, Datuk Puasa Md Taib, berkata peruntukan bagi tujuan itu diluluskan dalam mesyuarat majlis dipengerusikannya pada 23 Disember lalu.

"Kita bersetuju meluluskan peruntukan RM300,000 bagi melantik kontraktor bagi membina semula runtuhan yang berlaku di kawasan ini.

"Sekiranya memerlukan peruntukan tambahan, kita bersetuju dan menentukan selepas ini. Kerja pembinaan ini dijangka dapat secepat mungkin," katanya dalam sidang media di sini, pada 23 Disember lalu.

Kejadian berlaku pada kira-

kira jam 5.20 pagi 13 Disember lalu apabila tembok penghalang konkrit dibina pemilik rumah di atas bukit runtuh kerana tidak mengikut spesifikasi.

Akibat daripada itu menimpa lima buah rumah kediaman yang berada di bawah bukit sekali gus meranapkan bahagian belakang dapur rumah mereka.

Beliau berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu mengambil masa sembilan hari untuk membuat keputusan kerana kajian teknikal dibuat Jabatan Kejuruteraan akan menentukan proses seterusnya selain mengambil kira pelantikan kontraktor yang pakar dan berwibawa bagi tujuan berkenaan.

Katanya, MPSp juga baharu membentuk satu jawatankuasa khas bagi memantau kawasan bercerun yang berpotensi menyebabkan keruntuhan.

"Beberapa kawasan dike-



awal tahun hadapan," katanya. Beliau berkata, MPSp menasihatkan penduduk dan pihak tertentu supaya mematuhi peraturan ditetapkan kerana sebarang pembinaan perlu mendapat kelulusan.

"Sebagaimana arahan Kerajaan Negeri, kita juga melantik jurutera pakar dalam bidang berkaitan dan dijangka pelantikannya pada

awal tahun hadapan," katanya.

Beliau berkata, MPSp menasihatkan penduduk dan pihak tertentu supaya mematuhi peraturan ditetapkan kerana sebarang pembinaan perlu mendapat kelulusan.

Sebelum itu, MPSp melaksanakan kerja menutup permukaan tanah runtuh dengan kanvas bagi mengelak berlaku pergerakan tanah dan lumpur dari memasuki rumah mangsa dengan kos RM9,000.

## Kontraktor 'cincai' turap jalan



**PETALING JAYA** - Permit kerja dikeluarkan kepada kontraktor kerja menaik taraf sistem pembentungan di Petaling Jaya boleh ditamatkan sekiranya kontraktor terlibat masih gagal menurap semula jalan dikorek dengan sempurna.

Adun Bukit Gasing, Rajiv Rishyakaran, berkata, ini berikutan kontraktor kepada Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) itu sudah empat kali dikenakan notis arahan berhenti kerja bagi memastikan kontraktor terlibat mematuhi piawaian.

"Sudah empat kali Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) beri arahan berhenti kerja kepada kontraktor terbabit dan selepas mereka turap semula jalan dengan

sempurna baru mereka dibenarkan sambung kerja menaik taraf sistem pembentungan.

"Malangnya kontraktor ini nampaknya berdegil kerana apabila mereka sambung kerja, masalah sama berlaku lagi. Jalan diturap semula selepas selesai kerja pembentungan tidak sempurna, tidak rata seperti sedia kala dan malangnya JPP sebagai pembayar dan Indah Water Konsortium (IWK) tidak memantau dengan baik.

"MBPJ berkuasa jika mahu mengeluarkan arahan pemberhentian kerja menaiktaraf tetapi kita sedar keperluan sistem pembentungan yang lebih baik," kata Rajiv pada sidang medianya di Jalan 17/21 dan Jalan 17/1A di sini, pada 22 Disember lalu.

## MBPJ serbu *car wash* dan rumah urut tanpa lesen

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjalankan operasi serbuan ke premis pusat mencuci dan mengilat kenderaan serta rumah urut yang beroperasi tanpa lesen di kawasan seliaannya.

Dalam operasi pusat mencuci dan mengilat kenderaan pada 9 Disember lalu, enam premis disita ke atas pemilik dibawah 38(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Trend Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) 2007.

Operasi bersepadu dengan polis dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bertujuan mengatasi masalah premis yang menjalankan perniagaan tanpa lesen dan kecurian air melibatkan pengusaha 'carwash'.

Sepanjang 2015, sebanyak empat operasi bersepadu sudah dilaksanakan dengan 57 kompaun sudah dikeluarkan dan 121 sitaan premis.

Dalam perkembangan sama, MBPJ dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia membuat 14 tangkapan serta menyita sebuah premis rumah urut di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecan-

dan Penjagaan Kesihatan (MBPJ) 2013.

Sebanyak 89 kompaun dan 51 sitaan premis rumah urut sudah dilaksanakan melibatkan 33 tangkapan sepanjang 2015.

Manakala 151 kompaun dikeluarkan dan 28 sitaan dibuat melibatkan 37 tangkapan ke atas pusat hiburan di kawasan Petaling Jaya bagi tempoh sama.



## 7,593 kes denggi di Petaling Jaya

**PETALING JAYA** - Kawasan Petaling Jaya mencatatkan 7,593 kes denggi dengan 11 lokaliti hotspot serta 15 kes kematian setakat 21 Disember lalu.

Datuk Bandar Petaling Jaya (MBPJ), Mohd Azizi Mohd Zain, berkata trend kes denggi menunjukkan penurunan menjelang akhir 2015 dengan jangkaan anggaran sebanyak

tujuh peratus (8,478 kes) berbanding 2014.

"DUN Bukit Lanjan menyumbang 24 peratus atau 1,820 kes daripada jumlah keseluruhan dan diikuti DUN Kota Damansara sebanyak 15 peratus atau 1,144 kes," katanya.

Katanya, Unit Kawalan Vektor giat melakukan pemeriksaan jentik-jentik dari rumah

ke rumah, larvasiding dan semburan fogging bagi mengurangkan pembiakan nyamuk aedes.

Mohd Azizi turut menasihatkan orang awam supaya tidak membuang sampah merata-rata dan mengambil serius isu pembersihan kawasan sekitar komuniti masing-masing serta tempat awam.

OLEH NORHAYATI UMOR

## Tangani sampah haram

**KLANG** - Kerjasama masyarakat setempat dalam mengatasi isu pembuangan sampah haram menunjukkan perkembangan positif sejak kebelakangan ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohammad Yasid Bidin, berkata hasil maklumat orang ramai isu berkenaan di beberapa lokasi tumpuan kini berjaya diatasi.

Beliau berkata, selain kerjasama masyarakat, MPK turut meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan risikan dalam menangani masalah yang memberi ancaman kepada kebersihan dan kesejahteraan.

"Kerjasama orang ramai dalam usaha kita mengatasi masalah sampah haram dialu-alukan dan hasilnya di sekitar Pandamaran, masalah itu ini ditangani dengan baik.

"Lokasi tersembunyi dan jauh dari pemantauan sering menjadi pilihan pihak tidak bertanggungjawab untuk melakukan aktiviti tidak bermoral itu," katanya pada program penyerahan tong sam-

pah bertempat di Kawasan Empat Kampung Baru Pandamaran, di sini.

Yasid berkata, bermula 2016, MPK mensyaratkan setiap syarikat pembersihan yang mendapat kontrak menyediakan seorang pemantau bagi mengekang kes sebegini.

Katanya, langkah itu bagi memastikan lokasi yang mereka selenggara terjaga melalui pemantauan 24 jam seterusnya mengelak kes pembuangan sampah haram di situ.

Selain itu, Yasid meminta penduduk memanfaatkan pemberian tong sampah itu dan sentiasa menjaga kebersihan di kawasan rumah masing-masing.

Perbaharui lesen  
perniagaan elak disita

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) memberi peringatan dan amaran kepada komuniti peniaga yang masih belum memperbaharui Lesen Perniagaan bagi 2015, supaya segera memperbaharui Lesen Perniagaan.

Yang Dipertuanya, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahalan, berkata sekiranya mereka gagal berbuat demikian, Lesen Perniagaan mereka dibatalkan.

Katanya, MPSJ menyediakan pelbagai kemudahan untuk komuniti peniaga memperbaharui Lesen Perniagaan masing-masing sama ada melalui Kaunter Bersepadu di Ibu Pejabat MPSJ, Kaunter Pejabat Cawangan di Bandar Puteri dan Kaunter Pejabat Cawangan Serdang Jaya.

"Selain itu, di kaunter bergerak di lokasi pasar pagi dan pasar malam yang dijadualkan, serta kemudahan memperbaharui bagi lesen yang tidak berisiko secara atas talian atau 'online'.

"Bulan Disember merupakan musim pembaharuan Lesen Perniagaan, ini adalah kerana kebanyakan Lesen Perniagaan akan tamat pada 31 Disember 2015.

"Bagi komuniti peniaga yang sudah memperbaharui Lesen Perniagaan mereka sebelum tamat tempoh lesen, MPSJ mengucapkan syabas dan tahniah serta setinggi-tinggi



Nor Hisham

penghargaan di atas komitmen ditunjukkan," katanya dalam mesyuarat bulanan MPSJ.

Beliau berkata, masih terdapat premis beroperasi tanpa lesen sah dari pihak majlis atau tidak memperbaharui lesen, tetapi masih menjalankan operasi perniagaan walaupun lesen perniagaan tamat tempoh.

Katanya, MPSJ sedang giat melakukan pemantauan dan mengambil tindakan lebih tegas ke atas premis terbabit.

"Di antara tindakan penguatkuasaan boleh dikenakan ke atas premis tidak berlesen atau tamat tempoh lesen perniagaan ialah pengeluaran Notis Tawaran Kompau (NTK), menutup dan menyita premis serta tindakan mahkamah," katanya.

## Tindakan tegas premis gagal bersih longkang

**SUBANG JAYA** - Tindakan tegas undang-undang diambil Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) terhadap kegagalan pemilik dan penyewa premis yang tidak mematuhi kebersihan longkang di Jalan Kenari.

Yang Dipertuanya, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahalan, berkata tindakan itu bagi menjaga kebersihan di kawasan terbabit selain pengaliran air yang baik dan tidak tersumbat.

"Melalui program ini peniaga atau pemilik premis dipertanggungjawabkan memastikan longkang sentiasa bersih.

"Antara kesan longkang tidak dijaga sempurna adalah kotor, ter-

sambat, bau busuk, peningkatan wabak denggi, penyakit bawaan tikus, lipas dan lalat dan peningkatan kos penyelenggaraan longkang," katanya dalam kenyataan.

Nor Hisham berkata kempen itu dilaksanakan selepas mengkaji punca utama permasalahan kawasan berkenaan sebelum ini.

"Antara punca dikenal pasti menjadi permasalahan itu ialah longkang bertutup atau premis ubah suai tutup longkang dan saluran air serta kabel utiliti di dalam longkang.

"Selain itu, tiada perangkap minyak atau 'Grease Trap' serta aliran air terus ke longkang, saluran

ambahan dari pembentung ke longkang dan membasuh serta meletak barang di atas longkang," katanya.

Sebelum ini, MPSJ mengadakan perbincangan yang merupakan salah satu program perintis dirancang melalui Program Rejuvenasi Longkang, Perparitan dan Saliran Bersepadu Jalan Kenari MPSJ.

Lab ini merupakan langkah 'Soft Approach' yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah kesukaran kontraktor Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MPSJ untuk melaksanakan kerja pembersihan di kawasan komersial Jalan Kenari.

Bancian dan pemeriksaan program  
pemutihan diterus

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) meneruskan kerja bancian dan pemeriksaan bagi program pemutihan lesen perniagaan sehingga Januari 2016.

Yang Dipertuanya, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahalan, berkata program pemutihan yang dilaksanakan sejak September lalu berjaya mengenalpasti 159 peniaga menggunakan pakai lesen milik peniaga lain.

Manakala, 339 peniaga lagi dikesan menjalankan perniagaan tanpa lesen di pasar pagi dan pasar malam.

"Peniaga yang menggunakan lesen peniaga lain akan dipertimbangkan untuk

mendapatkan lesen dan lesen peniaga asal yang disalahguna akan dibatalkan.

"Manakala, peniaga tanpa lesen disenaraikan untuk proses temuduga bagi tujuan pengisian petak pasar pagi dan pasar malam sekiranya terdapat kekosongan petak disediakan oleh MPSJ," katanya dalam mesyuarat bulanan MPSJ pada 22 Disember lalu.

Beliau berkata bancian dan pemeriksaan dijalankan tiga kali di setiap lokasi pasar pagi dan pasar malam selain berpandukan kepada rekod tindakan penguatkuasaan bagi mengenal pasti pemegang lesen yang tidak menjalankan perniagaan.

"MPSJ turut merekodkan nama peniaga tanpa lesen yang menjalankan perniagaan di tapak menggunakan lesen pasar pagi dan pasar malam pemegang lesen asal yang tidak aktif untuk tujuan pemutihan peniaga.

"Walaupun bagaimanapun, hanya lapan daripada 30 lokasi pasar pagi dan pasar malam dibanci," katanya.

Sementara itu, MPSJ meneruskan inisiatif dengan mengadakan perkhidmatan Kaunter Bergerak di setiap lokasi pasar pagi dan pasar malam bagi kemudahan peniaga untuk memperbaharui lesen pasar pagi dan pasar malam.



Bantu persekolahan 2,082 pelajar

# PKNS sumbang RM165,000



OLEH AFIX REDZUAN

**BANTING** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menghulurkan bantuan persekolahan bernilai RM165,000 kepada 2,082 pelajar pada kawasan pembangunan Daerah Kuala Langat dan Petaling.

Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah, berkata inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) PKNS tidak hanya tertumpu pada kawasan pembangunan PKNS malah perbadanan itu ingin memperluas bantuan kepada segenap lapisan masyarakat di Selangor.

Katanya, sumbangan bantuan persekolahan di Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar Jugra melibatkan 62 buah Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi (KAFAI).

"Bantuan persekolahan itu bertujuan meringankan beban ibu bapa pelajar daripada asnaf fakir miskin untuk memudahkan mereka dengan persediaan persekolahan bagi sesi 2016 yang bakal bermula Januari depan.

"Antara bentuk sumbangan diberikan adalah yuran sekolah, basikal, buku latihan, alat tulis, cermin mata yang dipohon daripada sekolah mengikut keperluan

an pelajar," katanya dalam sidang media pada 23 Disember lalu.

Jelasnya, bantuan itu merupakan sebahagian sumbangan zakat perniagaan PKNS yang dihulurkan terus kepada pelajar asnaf dengan bantuan JAIS dan amil qayah.

Dalam perkembangan lain, PKNS turut memberikan sumbangan bernilai RM326,000 kepada 104 maahad tahfiz persendirian di sekitar Selangor bagi membantu kos operasi ditanggung sendiri sekolah.

Secara keseluruhan, PKNS sudah melaksanakan 23 CSR dengan peruntukan RM1.7 juta untuk 2015.

## PTPTN: "Tinggal RM19, nak makan apa nanti?"

**SHAH ALAM** - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mungkin menarik balik kebenaran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) membuat pemotongan gaji untuk kakitangan awam, sekiranya agensi itu masih melaksanakan pemotongan maksimum.

Presidennya, Datuk Azih Muda melahirkan rasa kesal kerana ada kakitangan awam dipotong gaji mereka oleh PTPTN sehingga kepada kadar maksimum dan tindakan itu adalah tidak wajar dilakukan serta membebaskan kedudukan kewangan

mereka.

"Ada slip gaji kakitangan awam yang tinggal sampai RM19, nak makan apa nanti? Gunaanlah kuasa sebaik-baiknya.

"Kami tidak akan teragak-agak menarik balik keputusan benarkan penjawat awam potong gaji mereka untuk bayar PTPTN," katanya dipetik BERNAMA.

Justeru, beliau menasihatkan PTPTN agar lebih bertimbang rasa terhadap kakitangan awam dalam melaksanakan pemotongan gaji agar kakitangan awam tidak terbeban dalam aspek kewangan.

## Henti potongan bayaran maksimum automatik

**SHAH ALAM** - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) digesa mengeluarkan arahan segera untuk menghentikan potongan bayaran maksimum PTPTN secara automatik bagi penjawat awam.

Naib Presiden KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata beliau menerima pelbagai aduan sistem potongan cukai maksimum itu mengejutkan peminjam kerana mereka tidak dimaklumkan atau diberi sebarang amaran mengenai jumlah maksimum yang dipotong.

Katanya, ini menyebabkan ada kakitangan kerajaan yang gajinya berbaki puluh-puluh ringgit setelah dibuat potongan maksimum.

"Sudah tentu tidak ada siapa di negara ini yang boleh

menampung sara hidup dengan baki gaji puluhan ringgit apatah lagi dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi.

"Wajarlah amalan ini dihentikan sementara langkah lebih adil dan praktikal dikenalpasti dilaksanakan," kata Rafizi dalam kenyataan media pada 28 Disember lalu.

Beliau berkata dicadangkan supaya PTPTN mengambil contoh amalan di Australia yang mana peminjam pinjaman pendidikan hanya perlu mula membayar balik sekiranya gajinya lebih tinggi dari paras tertentu.

Katanya, dasar itu bertujuan memastikan peminjam yang terdiri daripada graduan muda dapat memulakan hidup kerjaya tanpa terlalu dibebankan dengan hutang pendidikan.

## UNISEL tutup tirai 2015 dengan 3 pingat PECIPTA

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (UNISEL) menutup tirai bidang penyelidikan dan inovasi tahun ini dengan memenangi dua perak dan satu gangsa di Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2015 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) baru baru ini.

UNISEL dalam kenyataan berkata, ia merupakan penyertaan pertama universiti itu UNISEL itu dengan memperartuhkan tiga produk ciptaan Fakulti Sains Dan Bioteknologi dan Fakulti Kejuruteraan.

Dalam kategori Pengkomersilan, UNISEL menghantar produk 'airys-Air Electrolyser' sementara kategori Terbuka produk 'O-Gen Nonchem Alpha Water Treatment' dan Edukits-

Celik Al-Quran dipertandingkan.

Dua pingat perak dimenangi melalui produk *airys* dan *O-Gen*, manakala pingat gangsa dimenangi melalui produk *Edukits-Celik Al-Quran*.

"Walaupun tidak berjaya memperoleh pingat emas, namun UNISEL kita tetap berbangga kerana menerima pujian dan pelawaan untuk menjalinkan kerjasama bersama IPT lain dan juga secara tidak langsung menerima tempahan untuk mendapatkan produk ini selanjutnya.

"Diharapkan tahun berikutnya ramai lagi penyelidik dari UNISEL menyertai pertandingan seperti ini," katanya.

Sebanyak 502 ciptaan dipertandingkan dalam PECIPTA

2015 dari seluruh institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) tempatan dan beberapa institut pengajian tinggi (IPT) luar negara.

Acara penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Idris Jusoh.

PECIPTA diadakan 2 tahun sekali dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai tuan rumah bagi tahun ini dan merupakan acara kali kelapan setelah ia dimulakan buat kali pertama pada 2001 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Universiti Industri Selangor yang kini dikenali sebagai Universiti Selangor (UNISEL) dengan rasminya ditubuhkan pada 23 Ogos 1999. Menteri Pendidikan pada masa itu, Datuk Seri Mohd Najib Razak menyampaikan surat jempunan menubuhkan UNISEL kepada bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar.

Seramai 119 orang pelajar mendaftar pada hari pengambilan pertama UNISEL pada 9 September 1999. Kini, populasi pelajar meningkat kepada hampir 10,000 orang.

UNISEL merupakan universiti swasta yang mengenakan yuran murah. Faktor yuran merupakan antara sebab utama ramai pelajar memilih melanjutkan pelajaran di UNISEL berbanding pusat pengajian swasta lain. Malah kursus ditawarkan juga banyak dan bersesuaian kehendak pelajar.

Kini ia beroperasi di dua kampus iaitu di kampus induk berkeluasannya 1,000 ekar di Bestari Jaya, Kuala Selangor dan kampus bandar di Shah Alam.

Jika pada peringkat awal UNISEL hanya mempunyai tiga program pengajian sahaja, kini sebanyak 89 program pengajian meliputi hampir kesemua aspek disiplin keilmuan diperkenalkan dan mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan pengiktirafan badan profesional berkaitan.

Terkini, terdapat lapan fakulti serta dua pusat bagi kedua-dua kampus iaitu Fakulti Bioperubatan & Sains Kesihatan, Fakulti Sains & Bioteknologi, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Komunikasi & Media, Fakulti Pendidikan & Sains Sosial, Fakulti Perniagaan, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Pusat Pengajian Asasi & Umum serta Pusat Pengajian Siswazah.

### Milikan penuh Kerajaan Selangor

Sebagai sebuah universiti milikan penuh Kerajaan Selangor, UNISEL sentiasa menyediakan perkhidmatan terbaik setanding universiti antarabangsa di dunia. UNISEL komited memberikan sepenuh perhatian usaha melahirkan pemimpin ilmu dalam pelbagai bidang ditawarkan.

Pejam celik tanpa kita sedari kini UNISEL sudah berusia 16 tahun. Di dalam usia yang boleh disifatkan sebagai masih remaja ini, pelbagai kejayaan sudah berjaya ditempa di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Kejayaan demi kejayaan didecap ini jelas membanggakan kerana ini adalah usaha semua pihak dalam menaikkan nama UNISEL untuk lebih dikenali.

Jika diimbangi kembali tidak keterlaluan dikatakan, paling ma-

16 tahun berlalu, bermula 119 kini 10,000 pelajar

# UNISEL ke hadapan pacu kecemerlangan



nis adalah kejayaan menerima penarafan Tier 5 (Cemerlang) menerusi Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi bagi tahun 2013 (SETARA '13).

Pengumuman penarafan itu diperolehi menerusi sepucuk surat dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertarikh 17 November 2014, makluman keputusan pencapaian dan perincian markah penarafan SETARA '13 dengan UNISEL memperoleh Tier 5 secara keseluruhan.

Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2013 (SETARA '13) disertai 53 buah institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. SETARA '13 mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran pada tahap enam (peringkat Ijazah Pertama) Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dan merupakan kesinambungan kepada Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2011 (SETARA '11) yang dilaksanakan dalam bentuk penilaian semula.

Penarafan ini diibaratkan sebagai hadiah paling bermakna dan terbesar buat sebuah universiti yang boleh dikatakan masih baru. Segala usaha dan perjuangan selama ini ternyata membuahkan hasil yang amat berbaloi dan membanggakan seluruh warga UNISEL.

### Kejayaan di peringkat global

Selain itu, UNISEL juga pernah mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa pada 2008 apabila dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan Cansat Nano Satelit Antara Varsiti Dunia di Madrid, Sepanyol. Kumpulan tersebut ter-

diri daripada enam pelajar dan selebihnya pensyarah.

Menaikkan nama universiti ini lagi adalah apabila Prof Emeritus Dato' Dr Abdul Latif diberi gelaran Tokoh Akademik Negara 2012. Beliau sememangnya terkenal sebagai seorang ilmuwan sains di negara ini.

Ketokohan serta kepimpinan cemerlang Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad dalam bidang pendidikan diberi pengiktirafan apabila dianugerahkan 'Award for Outstanding Contribution to Education' oleh The Golden Globe Tigers Award 2015.

Lebih membanggakan Prof Dr Anuar antara beberapa tokoh bidang pendidikan dari beberapa institut pengajian tinggi (IPT) yang diberi pengiktirafan. Prof Dr Anuar merupakan antara 132 pemimpin dari 32 negara yang diberi pengiktirafan dalam pelbagai bidang.

Prof Madya Dr Mohd Nazil Salleh, Dekan Fakulti Bioperubatan & Sains Kesihatan diberikan penganugerahan Chartered Scientist (CSci) pada 3 September 2014 oleh Council Science, United Kingdom.

Beliau merupakan saintis Malaysia pertama mendapat pengiktirafan melalui IBMS Chartered Scientist yang diberikan melalui Council Science. Anugerah tersebut meru-

kan pengiktirafan tertinggi yang diberikan oleh Council Science kepada professional 'Association Body' di United Kingdom.

Manakala, tiga pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) menerima sijil pengiktirafan membanggakan apabila dipilih sebagai finalis *National Outstanding Educator Award 2015*. Ketigatiga pensyarah tersebut adalah Dr Suziyanti Marjidi, Dr Mohd Fahmi Amran dan Faudzi Ahmad.

Tidak cukup dengan itu, tiga tahun lalu, Sufi Habibullah Roslan dari Fakulti Kejuruteraan dan Berjilia Jung Im Kim dari Fakulti Perniagaan dianugerahkan pelajar terbaik masing-masing bagi anugerah Institut Kejuruteraan Malaysia serta Institut Akauntan Malaysia. Tahun berikutnya, Sivanesan Nadarajah memenangi emas Institut Kejuruteraan Malaysia.

### Kerjasama memperkukuh hubungan

Dalam memperkasakan lagi ilmu pengetahuan pelajar di dalam pelbagai bidang UNISEL turut menandatangani MoU bersama syarikat-syarikat di dalam industri.

Melalui kerjasama seperti ini ia membolehkan pelajar tersebut mendapat pendedahan dunia pekerjaan melalui latihan industri disediakan. Selain itu para pensyarah juga dapat menambah ilmu melalui kepakaran industri.

Usahasama pendidikan turut dijalankan UNISEL bersama Kerajaan Negeri Kelantan pada 2014. Kerjasama seumpama ini penting dalam pembangunan UNISEL ada masa akan datang.

Reputasi UNISEL turut mendapat perhatian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) apabila dipilih sebagai tuan rumah untuk menganjurkan *konferens Engaged Learning and ICTD* pada 2014.

UNISEL sering mengadakan pelbagai persidangan antarabangsa yang selain dapat meluaskan jaringan perhubungan ia juga dapat mempromosikan nama universiti ini. UNISEL juga sudah mempunyai Pusat Fisioterapi & Makmal Klinikal Diagnostik yang dilancarkan tahun lalu.

Ini merupakan langkah strategik UNISEL ke arah meneruskan kecemerlangan melalui kemudahan prasarana yang kondusif dengan ditunjangi oleh warga UNISEL yang komited.

### Kejayaan UNISEL terbukti

Dalam usia 15 tahun ini, UNISEL sudah membuktikan sudah mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan IPT lain. Walaupun masih kerdil namun universiti ini sudah membuktikan pencapaiannya untuk disegani.

UNISEL juga diingatkan supaya tidak terlalu puas dengan apa dimiliki hari ini sebaliknya perlu terus mara ke depan untuk lebih cemerlang.

UNISEL sentiasa membuka pintu kerjasama kepada mana-mana pihak demi kebaikan universiti pada masa akan datang yang sudah pasti lebih

mencabar  
ber  
ban  
ding  
hari ini.



## Tanah runtuh Kampung Baru Salak:

# Lima keluarga terima bantuan

OLEH HAFIZAN TAIB

**SEPAANG** - Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan ehsan kepada mangsa kejadian tanah runtuh di Jalan Sekolah, Kampung Baru Salak di sini, pada 23 Disember lalu.

Pegawai Daerah Sepang, Roslinah Md Jani, berkata ia disampaikan menerusi penyaluran bantuan bencana Kerajaan Negeri kepada semua lima keluarga ter-

babit berupa RM500 setiap satu.

"Kerajaan Negeri memahami masalah dihadapi dan diharapkan pemberian ini dapat meringankan beban terpaksa ditanggung mangsa terabit dalam menguruskan keperluan harian sehingga tindakan pembaikan cerun selesai dilaksanakan," katanya dalam sidang media di sini.

Beliau berkata, antara tindakan awal diambil adalah Majlis

Perbandaran Sepang (MPSp) menutup permukaan yang runtuh dengan kanvas bagi mengelak berlakunya pergerakan tanah dan lumpur daripada memasuki rumah mangsa.

Katanya, MPSp juga melantik perunding bagi membuat kajian terhadap struktur cerun yang runtuh dan laporan berkaitan diterima pada 21 Disember lalu.

"Terima kasih kepada MPSp

yang bersetuju atas dasar kebajikan, keprihatinan dan kepentingan awam untuk membuat pembaikan kawasan cerun runtuhannya biarpun dari segi hak milik adalah hak individu," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Sepang berkata, pemantauan lanjut dibuat MPSp bagi memastikan kejadian sama dapat dielakkan daripada berulang pada

masa hadapan.

Kejadian berlaku pada kira-kira jam 5.20 pagi 13 Disember lalu apabila tembok penghalang konkrit dibina pemilik rumah di atas bukit runtuh kerana tidak mengikut spesifikasi.

Akibat daripada itu menimpa lima buah rumah kediaman yang berada di bawah bukit sekali gus meranapkan bahagian belakang dapur rumah mereka.

## Rasullullah contoh terbaik pelindung wanita

**SHAH ALAM** - Wanita harus berdaya saing bagi mengangkat diri ke tahap yang dikehendaki bagi memastikan kehidupan bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi, ketidakadilan, korupsi, birokrasi membebaskan.

Pengasas Pertubuhan Inisiatif Pemberdayaan Wanita, Rodziah Ismail, berkata hal itu kerana ia akan mewujudkan kesejahteraan di kalangan rakyat.

Katanya, bagi merealisasikan reformasi dalam sistem mahkamah syariah dan sivil, bidang keusahawanan, politik dan proses pembuatan keputusan di semua peringkat dan bidang pentadbiran menjadi kewajaran.

"Wanita perlu memahami bahawa untuk kesemua harapan dan idealisme menjadi kenyataan, mereka semestinya bertindak bijak dalam semua pilihan raya umum dan negeri dengan mengenali bakal pemimpin dan membuat pilihan dengan tepat.

"Malang jika pemimpin dipilih itu tidak bersungguh dan tidak memahami tentang isu berkaitan wanita dan meningkatkan kehidupan wanita," katanya dalam kenyataan media sempena sambutan Maulidur Rasul.

Rodziah berkata hasil daripada sistem kehidupan sedia ada masih berlaku keganasan terhadap wanita, diskriminasi dalam bidang pekerjaan, proses yang birokratik dan menyusahkannya untuk menuntut hak asasi.

"Juga penanggungan kos saraan hidup tinggi, berlarutan status tidak pasti iaitu berkahwin tetapi ditinggalkan suami tanpa nafkah atau perceraian rasmi dan pe-

**la mencelikkan imbasan kepada sejarah Rasullullah SAW yang penuh dengan pengisian dasar, perancangan dan perincian terhadap agenda dan pelan tindakan untuk melindungi wanita**

**RODZIAH ISMAIL**  
Pengasas Pertubuhan Inisiatif Pemberdayaan Wanita

nanggungannya sendiri perbelanjaan keperluan keluarga.

"Tanpa mengira agama, latar belakang, etnik dan golongan, ia mencelikkan imbasan kepada sejarah Rasullullah SAW yang penuh dengan pengisian dasar, perancangan dan perincian terhadap agenda dan pelan tindakan untuk melindungi wanita," katanya.

Beliau berkata ucapan, jawapan di Dewan Negeri dan Dewan Rakyat oleh pemimpin ketika ini serta dokumentasi berjela-jela sudah tidak lagi mempunyai nilai dan makna sebagai respon kepada persoalan itu.

"Oleh itu, wanita pilihlah pemimpin yang membuktikan segala ucapan dan janji mereka.

"Rasullullah SAW adalah contoh terbaik dalam melindungi wanita sama ada dalam ucapan mahupun tindakan baginda," katanya.

Tahun 2015M menyaksikan Maulidur Rasul disambut dua kali, 3 Januari [1436H] dan 24 Disember [1437H] dengan tema yang sama - "Perpaduan Nadi Transformasi Negara".

## PWB anjur Mini Karnival Herba



**SHAH ALAM** - Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor menganjurkan Mini Karnival Herba bagi mengetengahkan produk herba dan semulajadi untuk penjagaan kesihatan.

Menurut laman facebook PWB Selangor, karnival itu diadakan dengan kerjasama DUN Sungai Panjang di Balai JKKK Parit 13, Sungai Panjang pada 24 Disember lalu.

Ia adalah salah satu inisiatif PWB menggalakkan orang ramai khususnya wanita menggunakan produk herba dan semula jadi sebagai salah satu produk penjagaan kesihatan.

Turut diadakan pameran kesihatan dan penjualan pokok ulam yang boleh dijadikan sebagai bahan ubat ubatan.

Selain itu terdapat juga aktiviti seperti pertandingan masakan berasaskan herba dan demonstrasi membuat jamu Gepyok bagi menarik lagi golongan wanita.



## 80 anak yatim terima bantuan persekolahan

**SHAH ALAM** - Seramai 80 anak yatim dan anak yatim kakitangan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) menerima sumbangan kelengkapan persekolahan sempena Program 'Back To School'.

Program anjuran Bauhinia MPKJ dengan kerjasama Eco World Sdn Bhd itu berlangsung di Mini Teater, Menara MPKJ pada 18 Disember lalu.

Antara bentuk sumbangan yang diberikan berupa beg sekolah dan alat kelengkapan sesi persekolahan mereka pada tahun hadapan.

Secara tidak langsung, sumbangan itu membantu masyarakat yang berpendapatan rendah dan ibu atau bapa tunggal dalam mengurangkan kos perbelanjaan bagi penyediaan persekolahan yang bakal bermula.

### SUMBANGAN BAGITUJUAN

1. Pengajian Al-Quran secara percuma
2. Menyediakan bangunan Rumah Ngaji di Batu Caves

**#KitakanIslam**  
BUAT KERANA ALLAH

RUMAH MAGHFIRAH REDHAMU  
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794  
No Akaun: 8602413238 (CIMB)

RUMAH  
**ngaji**



Pasukan Iswad dinobatkan sebagai juara kejohanan selepas menumpaskan Ukay FA

### Kejohanan Futsal Piala Menteri Besar

# Hadiah meningkat RM8,000

OLEH NAZLI IBRAHIM

**AMPANG** - Ekoran sambutan semakin memberangsangkan setiap tahun, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mengumumkan hadiah kemenangan Kejohanan Futsal Piala Menteri Besar Selangor dinaikkan.

Jelas Mohamed Azmin, pasukan yang berjaya meraih gelaran juara pada kejohanan kali ketiga itu berpeluang membawa pulang hadiah RM8,000 berbanding tahun lalu hanya RM5,000 sahaja.

"Diharap penganjuran pada masa akan datang lebih meriah lagi dengan disertai lebih banyak pasukan kerana aktiviti seperti ini selain menjadi medan melahirkan

bakat baru sukan, ia turut memupuk semangat kesukanan dan mampu meningkatkan kecergasan diri," katanya.

Mohamed Azmin berkata demikian ketika merasmikan Kejohanan Futsal Piala Dato' Menteri Besar di Sport Planet Ampang di sini, pada 20 Disember lalu.

Pemenang di tempat kedua dan ketiga pula masing-masing membawa hadiah RM5,000 dan RM3,000 berbanding kejohanan sebelumnya RM3,000 dan RM1,000.

Lebih bertuah lagi apabila Mohamed Azmin mengumumkan kesemua 64 pasukan yang menyertai kejohanan anjuran bersama Penggerak Belia Tempatan

(PeBT), Pejabat DUN Bukit Antarabangsa dan Ahli Majlis Zon 9 turut menerima hadiah saguhati sebanyak RM500.

Pasukan Iswad dinobatkan sebagai juara kejohanan kali ini selepas menumpaskan Ukay FA dalam perlawanan akhir dan diikuti Azzrell FT di tempat ketiga dan JKKK Selayang Baru menduduki tempat keempat.

Manakala Ahmad Shafeez Ibrahim daripada pasukan Azzrell FT dan Syahman Idris daripada pasukan Ukay FA masing-masing dinobatkan sebagai pemain dan penjaga gol terbaik kejohanan.

Hadiah kemenangan disampaikan oleh Mohamed Azmin.

## Kejohanan Bola Jaring Piala Dr Daroyah Alwi kesan tiga bakat baru

**SHAH ALAM** - Sebanyak 30 pasukan dari seluruh Selangor menyertai Kejohanan Bola Jaring Terbuka Selangor Piala Dr Daroyah Alwi pada 20 Disember lalu.

Bertempat di Dewan Akademi Badminton Setia Alam, program anjuran Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Selangor itu bermula seawal jam 8.00 pagi.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata pertandingan itu diadakan bertujuan mengetengahkan bakat baru.

"Melalui pertandingan itu kita dapat mencungkil anak muda yang berpotensi. Kita juga berjaya

mengenal pasti tiga pemain bola jaring untuk mewakili Selangor dalam Kejohanan SUKMA 2017," katanya kepada SelangorKini.

Penganjuran julung kali itu terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori dewasa dan kategori remaja bawah 21 tahun.

Johan dimenangi oleh Kumpulan Avatar dari Klang dengan membawa pulang wang bernilai RM3,000 beserta trofi dan pingat dan Naib Johan dimenangi kumpulan Viking dari Shah Alam dengan membawa pulang wang bernilai RM2,000 beserta pingat.

Manakala tempat ketiga adalah kumpulan dari Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dengan membawa pulang RM1,000 beserta pingat.



Johan dimenangi kumpulan Avatar dari Klang

## Pelajar SERI ABIM jalani latihan bola bersama West Ham United

**SHAH ALAM** - Pelajar Sekolah Rendah Islam (SERI) ABIM Sungai Raml, Mohd Daniel Mohd Norli diberi mandat sebagai Ketua Pasukan TMCC-Astro Kem Bola 2015 di sana.

Menerusi perkongsian di laman Facebook Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Daniel terpilih mewakili Malaysia untuk menjalani latihan bersama kelab bola sepak Liga Inggeris, West Ham United.

"Beliau bukan sahaja cemerlang dalam aktiviti bola sepak, malah mendapat kejayaan memberangsangkan dalam akademik dan pencapaian pengetahuan agama.

"Daniel membuktikan pelajar berlatar belakang agama juga mampu mengukir nama di persada antarabangsa dalam bidang sukan diminati. "Tahniah dan syabas," menurut status berkenaan.

Sebelum ini, SERI ABIM Sungai Ra-



mal, Kajang dinobatkan sebagai sekolah terbaik Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) seluruh Selangor dengan 76 calonnnya mendapat keputusan Mumtaz.

Seramai 32 pelajar pula mendapat keputusan 5A dalam setiap mata pe-

lajaran yang diambil untuk Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2015.

Pencapaian itu diterjemahkan ke dalam gred purata untuk sekolah (GPS) sebanyak 1.42, merupakan antara yang terbaik dalam kalangan sekolah di Daerah Hulu Langat.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
1 - 8 JANUARI 2016							
20 - 27 RABIULAWAL 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
01 Januari	5:47	5:57	7:17	1:19	4:42	7:15	8:30
02 Januari	5:48	5:58	7:18	1:20	4:42	7:16	8:31
03 Januari	5:48	5:58	7:18	1:20	4:43	7:16	8:31
04 Januari	5:49	5:59	7:19	1:21	4:43	7:17	8:31
05 Januari	5:49	5:59	7:19	1:21	4:44	7:17	8:32
06 Januari	5:50	6:00	7:20	1:22	4:44	7:18	8:32
07 Januari	5:50	6:00	7:20	1:22	4:44	7:18	8:33
08 Januari	5:51	6:01	7:20	1:22	4:45	7:19	8:33
Sabak, Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
01 Januari	5:50	6:00	7:22	1:21	4:44	7:17	8:32
02 Januari	5:50	6:00	7:22	1:22	4:44	7:18	8:32
03 Januari	5:51	6:01	7:23	1:22	4:45	7:18	8:33
04 Januari	5:51	6:01	7:23	1:23	4:45	7:19	8:33
05 Januari	5:52	6:02	7:24	1:23	4:46	7:19	8:34
06 Januari	5:52	6:02	7:24	1:24	4:46	7:20	8:34
07 Januari	5:52	6:02	7:25	1:24	4:46	7:20	8:35
08 Januari	5:53	6:03	7:25	1:24	4:47	7:21	8:35

# Red Ants sedia menyengat

 LIGA PREMIER MALAYSIA	MENANG	11
	SERI	8
	KALAH	3
Pencapaian : Keempat Liga		
 PIALA FA	MENANG	1
	SERI	0
	KALAH	1
Pencapaian : Pusingan Pertama		
 PIALA MALAYSIA	MENANG	3
	SERI	3
	KALAH	2
Pencapaian : Suku Akhir		

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - PKNS FC meletakkan azam baru menampilkan persembahan lebih baik dalam mengharungi saingan Liga Perdana musim 2016 dengan pendekatan dan strategi terbaik bagi memberikan saingan sengit kepada pasukan lain.

Bakal bersaing hebat dengan pasukan ternama seperti Sabah, Negeri Sembilan, Perlis dan Sime Darby, PKNS kini sedang memuktamadkan pemain tempatan yang bakal beraksi pada musim 2016.

Pengurus Pasukan, Mahfizul Rusyidin Abdul Rashid, berkata dua tonggak import Argentina adalah Gonzalo Soto dan Gabriel Guerra dikekalkan sementara dua slot lagi masih belum diputuskan.

"Pemain sudah memulakan latihan pada 21 Disember lalu dan dalam masa terdekat kita akan mengadakan beberapa siri perlawanan persahabatan bagi memantapkan pasukan," katanya kepada SelangorKini.

Katanya, skuad PKNS FC bagi musim 2016 dijangka bakal diperkenalkan pada penghujung Januari depan.

Sepanjang musim 2015, Mahfizul Rusyidin menyifatkan prestasi pasukannya

■ LIGA PREMIER 12 PERANGKAN (KEEMPAT LIGA)	
JARINGAN	41
BOLOS	22
■ PIALA FA 1 PERANGKAN (PUSINGAN PERTAMA)	
JARINGAN	03
BOLOS	02
■ PIALA MALAYSIA 2 PERANGKAN (SUKU AKHIR)	
JARINGAN	14
BOLOS	09

memuaskan dan mencapai sasaran terutama beraksi dalam kancang Piala Malaysia hingga mara ke peringkat suku akhir.

Menyentuh perkembangan tonggak import, Patrick Ronaldinho Wleh yang dihabarkan bakal beraksi bersama Selangor musim hadapan beliau berkata ia masih dalam peringkat perbincangan.

Pemain berketinggian 1.85 meter itu juga tampil hebat apabila jaringan tunggalnya berjaya membantu Pilihan Malaysia mengikat kelab Inggeris, Liverpool pada aksi persahabatan, 24 Julai lalu.

Beliau berkata PKNS FC masih menunggu jawapan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) dan segala butiran perbincangan tidak boleh didedahkan kepada umum bagi menghormati semua pihak.



Pemain gasing di Kampung Bukit Kapar memperagakan kemahiran tersendiri sukan tradisional itu semasa lawatan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi ke kampung berkenaan pada 22 Disember lalu. Kampung itu muncul sebagai Kampung Tradisi Terbaik Selangor 2015

## Atlet SUKMA 2016 pergiat latihan

**SHAH ALAM** - Majlis Sukan Negeri Selangor (MSN) mempersiapkan atlet negeri itu untuk menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) 2016 yang bakal berlangsung di Sarawak pada 1 Julai 2016.

Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor, Mohd Nizam Marjui, berkata ketika ini atlet sedang giat berlatih bagi kejohanan itu.

Sebelum ini, peruntukan besar untuk pembangunan sukan disediakan Kerajaan Selangor bagi tujuan itu sebaik mungkin.

Sementara itu, katanya projek baik pulih yang sudah dan sedang berjalan adalah gelanggang tinju di Sabak Bernam, pusat latihan angkat berat di Hulu Langat.



Katanya ini termasuk pembalakan stadium hoki di Petaling Jaya dan Klang, pusat latihan perahu layar di Kuala Langat, gelanggang petanque di Kuala Selangor termasuk baik pulih padang di Stadium Kuala Selangor, Stadium Salak Tinggi Sepang dan Stadium Mini Shah Alam.

"Kerja menaik taraf bumbung di Kompleks Arena Petaling Jaya serta gelanggang

**Peruntukan besar untuk pembangunan sukan disediakan Kerajaan Selangor bagi tujuan itu sebaik mungkin**

di kawasan DUN seperti futsal dan kemudahan sukan mengikut peringkat," katanya kepada SelangorKini.